	2010	2009	2010	2009
	RM	RM	RM	RM
Pinjaman Kakitangan	80,050	81,421	80,050	81,421
Tanah Pesaka	1,466,580	1,747,176	1,466,580	1,747,176
Sewa Premis	1,898,306	2,421,085	1,898,306	2,421,085
Pendahuluan projek	1,798,080	1,789,716	1,798,080	1,789,716
Penghutang Perniagaan	27,832,234	32,062,957	-	148,474
	33,075,249	38,102,355	5,243,015	6,187,872
Tolak: Peruntukan hutang ragu	(2,604,781)	(629,919)	(2,604,781)	(629,919)
	30,470,468	37,472,436	2,638,234	5,557,953

## 13. PELBAGAI PENGHUTANG, PRABAYAR DAN DEPOSIT

	KUMPULAN		MAIS	
	2010	2009	2010	2009
	RM	RM	RM	RM
Pelbagai Penghutang dan Prabayar	7,285,412	7,401,227	570,381	1,509,367
Pelbagai Deposit dan Pendahuluan	816,375	346,133	220,920	238,831
	8,101,787	7,747,360	791,300	1,748,198

## 14. PENDAHULUAN KEPADA SYARIKAT BERSEKUTU

	KUMPULAN DAN MAIS	
	2010	2009
	RM	RM
MAIS NGV (M) Sdn Bhd	48,236	-

Pendahuluan kepada syarikat bersekutu tidak dikenakan faedah, tidak bercagar dan tiada tempoh tetap untuk pembayaran semula.





## 15. QARDUL HASAN

Pinjaman diberikan oleh Majlis kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi membiayai pembelian Hartanah di SS 14, Shah Alam dan pinjaman ini mempunyai tempoh bayaran balik seperti mana yang telah ditetapkan.

	MAIS	
	2010	2009
	RM	RM
Lembaga Zakat Selangor (MAIS)	4,010,964	5,750,964
	4,010,964	5,750,964

## 16. WANG DALAM PERJALANAN

Wang Dalam Perjalanan adalah wang kutipan zakat dan saham wakaf di kaunter-kaunter Lembaga Zakat Selangor (LZS), agen-agen Bank yang belum dipindahkan ke dalam Akaun Induk MAIS.

	MAIS	
	2010	2009
	RM	RM
Kutipan Zakat di Kaunter LZS	38,256,208	23,125,419
Kutipan Saham Wakaf di kaunter LZS	-	77,870
	38,256,208	23,203,289

## 17. PELABURAN MUDHARABAH

	KUMPULAN		MAIS	
	2010	2009	2010	2009
	RM	RM	RM	RM
<b>Pelaburan Mudharabah jangka pendek Di Institusi Kewangan Berlesen :</b>				
Kumpulan Wang Zakat	<b>67,613,709</b>	108,000,526	<b>67,613,709</b>	108,000,526
Kumpulan Wang Baitulmal	<b>52,755,255</b>	7,754,316	<b>52,755,255</b>	7,754,316
Kumpulan Wang Wakaf	<b>11,900,000</b>	14,200,000	<b>11,900,000</b>	14,200,000
Kumpulan Wang Amanah	<b>1,490,000</b>	3,890,000	<b>1,490,000</b>	3,890,000
Kumpulan Wang Dana Masjid	-	400,000	-	400,000
Pelaburan oleh Syarikat Subsidiari	<b>14,390,018</b>	15,616,100	-	-
	<b>148,148,982</b>	149,860,943	<b>133,758,964</b>	134,244,843

**Nota :**

Pelaburan Mudharabah Majlis dan syarikat subsidiari adalah terdiri daripada akaun pelaburan jangka pendek di bank-bank yang mengamalkan Perbankan Islam selaras dengan hukum syarak. Kadar keuntungan pelaburan di antara 1.95% - 3.5% (2009: 1.8% - 3.58%).



## 18. WANG TUNAI DI BANK DAN DI TANGAN

Wang tunai di tangan dan di bank bagi kumpulan adalah baki akaun semasa Majlis dan syarikat subsidiari.

	<b>KUMPULAN</b>	
	<b>2010</b>	<b>2009</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Majlis Agama Islam Selangor	<b>50,283,489</b>	47,879,422
MAIS Corporation Sdn Bhd dan Syarikat Subsidiari	<b>597,868</b>	420,478
MAIS Zakat Sdn Bhd	-	-
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn Bhd	<b>7,218,388</b>	1,682,648
	<b>58,099,695</b>	49,982,548

Wang tunai di tangan dan di bank Majlis adalah baki akaun-akaun semasa Majlis, seperti berikut :

	<b>MAIS</b>	
	<b>2010</b>	<b>2009</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Akaun Zakat	<b>33,563,054</b>	42,888,278
Akaun Baitulmal	<b>5,258,184</b>	1,438,090
Akaun Wakaf	<b>6,678,211</b>	1,839,154
Akaun Amanah	<b>4,424,287</b>	1,619,995
Akaun Dana Masjid	<b>352,639</b>	92,587
Tunai di Tangan	<b>7,115</b>	1,318
	<b>50,283,489</b>	47,879,422

Akaun bank majlis dan syarikat subsidiari adalah terdiri daripada akaun semasa di bank-bank yang mengamalkan Perbankan Islam selaras dengan hukum syarak.





## 19. WANG AMANAH

Wang Amanah adalah Amanah yang diwujudkan melalui Bahagian VI, Undang-Undang Negeri Selangor, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor)2003.

	MAIS	
	2010	2009
	RM	RM
Sewaan Tanah JAIS	<b>3,090,380</b>	2,614,641
Elaun Pegawai Penyelaras Masjid	<b>211,360</b>	134,401
Pembinaan Kompleks Asrama Anak Asnaf, Kg. Perepat, Klang	<b>474,246</b>	472,311
Tabung Sumbangan Anak Yatim	<b>51,852</b>	16,168
Peruntukan bagi Pusat Pembangunan Keluarga Islam Dan Pusat Pembangunan Sosial	<b>11,890</b>	14,470
Imbuhan Khas Pegawai Penyelaras Masjid	<b>17,855</b>	17,855
Honororium Penulis Artikel dan Jurufoto Majalah MAIS	<b>5,200</b>	3,200
Pembinaan Projek Pembangunan Fakulti Undang-undang dan Kejururawatan	<b>643,375</b>	1,144,821
SRA Bandar Tasik Puteri, Rawang	<b>49,178</b>	49,178
Tabung Derma Hari Quds Negeri Selangor 2008	<b>2,751</b>	2,751
Kajian Analisis kes-kes Murtad Negeri	<b>2,851</b>	6,536
Bulan Kualiti MAIS	<b>14,745</b>	4,437
Tabung Penyelenggaraan ( <i>Sinking Fund</i> )	<b>245,780</b>	196,720
Pembangunan Tanah Seksyen 16, Shah Alam	<b>207,394</b>	245,773
Buku Lengkap Ibadah Harian Umat Islam Negeri Selangor	<b>22,000</b>	63,000
Wang Derma Hj Zainal Abidin Omar & Asiha Mohd	<b>71,037</b>	40,000
Tabung Derma Bencana Gempa Padang	-	53,000
Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin	<b>54,490</b>	-
Majlis Tilawah Al-Quran 1431H/2010M	<b>6,000</b>	-
Pembinaan Masjid Baru Kg. Raja Uda, Pelabuhan Klang	<b>408,225</b>	-
Tabung Amanah Bantuan Kemanusiaan Bencana Alam	<b>35,831</b>	-
Masjid Australian International Islamic College	<b>60</b>	-
Kad Nikah Pintar	<b>117,822</b>	33,370
Rapid Test HIV	<b>76,288</b>	234,923
Keuntungan Simpanan Semasa	<b>8,415</b>	19,827
Keuntungan Pelaburan Mudharabah	<b>492</b>	492
Pelbagai Terimaan	<b>84,771</b>	141,661
	<b>5,914,287</b>	<b>5,509,535</b>



## 20. WAKAF KHAS

Wakaf Khas merupakan sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan yang khusus menurut Hukum Syarak seperti yang dinyatakan di dalam Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No : 7, 1999.

	<b>KUMPULAN</b>	
	<b>2010</b>	<b>2009</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Wakaf Khas terdiri daripada :		
i. Saham Wakaf Khas	<b>11,284,042</b>	9,104,893
ii. Manfaat Wakaf Khas	<b>723</b>	1,789
	<b>11,284,764</b>	9,106,682

### i. SAHAM WAKAF KHAS

Kutipan Saham Wakaf Khas merupakan kutipan yang dibuat dengan maksud tujuannya yang tertentu. Kutipan ini dibuat berdasarkan permohonan daripada pihak luar kepada pihak MAIS.

	<b>KUMPULAN</b>	
	<b>2010</b>	<b>2009</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Masjid Taman Bandaran	-	40,749
Masjid Kunci Air Buang	-	11,841
Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz	<b>640,244</b>	640,244
Masjid Bukit Jelutung	<b>7,581,715</b>	6,009,201
Masjid Nurul Iman, Teluk Gadong	<b>10,200</b>	
Surau At-Taufiqiyah	<b>48,430</b>	162,932
Surau Al-Ikhwan	<b>11,630</b>	134,230
Surau Al-Yaqeen	-	4,381
Surau Taman Medan	-	11,230
Surau Sayidina Umar	<b>23,028</b>	45,320
Surau Al-Husna	<b>111,500</b>	6,420
Surau Fatimah Az-zahrah	<b>1,950</b>	-
Surau Sek. Men. Keb. Bagan Terap	<b>45,700</b>	-
Surau Sek. Men. Agama Kuala Selangor	<b>21,830</b>	-
KAFA Integrasi	<b>2,802</b>	2,802
SRA Pulau Indah	<b>2,037,389</b>	2,000,000
SMK TTDI Jaya	<b>35,640</b>	34,320
Rumah Amal Limpahan Kasih	<b>265</b>	265
Yayasan ABIEDAMI	<b>960</b>	960
Madrasah Tahfiz Miftahul Ulum	<b>710,759</b>	-
	<b>11,284,042</b>	9,104,893





## ii. MANFAAT WAKAF KHAS

Merupakan terimaan hasil yang diperolehi daripada harta wakaf di mana kegunaannya telah ditetapkan berdasarkan niat oleh pewakaf tersebut.

## 21. ISTIBDAL WAKAF

Istibdal adalah menggantikan suatu harta wakaf dengan harta lain yang sama atau lebih tinggi nilainya samada melalui gantian, belian, jualan atau apa-apa cara lain yang menurut hukum syarak seperti mana yang dinyatakan di dalam Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No:7,1999. Nilai yang ditunjukkan adalah merupakan terimaan daripada jualan harta tanah wakaf.

	MAIS	
	2010	2009
	RM	RM
Tanah di Mukim Setapak, Gombak	344,901	340,411
Tanah di Telok Gadong, Klang	1,990,917	2,024,567
	<b>2,335,818</b>	2,364,978

## 22. PERUNTUKAN PENDAHULUAN AGIHAN ZAKAT

Peruntukan pendahuluan agihan zakat merupakan baki akaun agihan zakat (pendahuluan yang diberikan oleh pihak Majlis) yang diuruskan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan UiTM bagi tujuan agihan kepada asnaf termasuk agihan yang telah diperuntukan tetapi belum dijelaskan (bayar).

	KUMPULAN	
	2010	2009
	RM	RM
Pendahuluan kepada LZS	13,565,757	(2,197,780)
	<b>13,565,757</b>	<b>(2,197,780)</b>

## 23. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

44	KUMPULAN		MAIS	
	2010	2009	2010	2009
	RM	RM	RM	RM
Pelbagai Pemiutang	<b>8,824,087</b>	6,879,849	<b>3,900,595</b>	1,808,211
Pemiutang Tajaan	<b>686,856</b>	928,769	-	-
Perbelanjaan Akruan	<b>18,455,444</b>	18,504,235	<b>8,038,537</b>	8,462,185
Pinjaman Bank & Sewa Beli	<b>1,178,662</b>	1,133,924	-	-
Pendapatan Tertunda	<b>4,541,919</b>	6,754,609	-	-
	<b>33,686,967</b>	34,201,386	<b>11,939,132</b>	10,270,396



## 24. WANG CAGARAN, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

	KUMPULAN		MAIS	
	2010	2009	2010	2009
	RM	RM	RM	RM
Prabayar, deposit Sewa Premis Dan Utiliti	<b>1,331,149</b>	1,166,495	<b>1,331,149</b>	1,171,595
Deposit Jualan Tanah & Premis	<b>214,937</b>	5,169,107	<b>214,937</b>	5,169,107
Cagaran Tender t	<b>22,457</b>	18,167	<b>22,457</b>	18,167
Lain-lain Pendahuluan diterima	-	2,490,100	-	-
	<b>1,568,543</b>	8,843,869	<b>1,568,543</b>	6,358,869

## 25. PEMBIAYAAN AL-BAI BITHAMAN AJIL

	MAIS	
	2010	2009
	RM	RM
Jumlah terhutang :		
- Dalam masa 1 tahun	<b>1,504,160</b>	1,504,160
- Dalam masa 2 tahun hingga 5 tahun	<b>3,760,400</b>	5,264,559
	<b>5,264,559</b>	6,768,719
Tolak : Caj Pembiayaan Tertangguh	<b>(591,319)</b>	(951,666)
	<b>4,673,240</b>	5,817,053
<b>Bahagian yang perlu dibayar:</b>		
Pembayaran balik dalam masa 1 tahun	<b>1,224,062</b>	1,143,813
Pembayaran balik selepas 1 tahun hingga 5 tahun	<b>3,449,178</b>	4,673,240
	<b>4,673,240</b>	5,817,053

Kadar caj pembiayaan adalah pada 6.8%

Tempoh Pembiayaan 10 Tahun

Pembiayaan ini adalah pembiayaan yang diterima oleh Majlis Agama Islam Selangor daripada Bank Muamalat Malaysia Berhad bagi tujuan membiayai projek pembinaan pangsapuri perkhidmatan dan 39 unit kedai di Seksyen 3 Shah Alam.

## 26. PEMBIAYAAN AL-MUSYARAKAH

Pembiayaan Al-Musyarakah telah dimenterai di antara salah sebuah syarikat subsidiari dengan Bank Islam (M) Berhad berkaitan dengan perkongsian pembiayaan projek pangsapuri di atas sebidang tanah milik Majlis di Telok Gadong, Klang, Selangor Darul Ehsan yang dimajukan oleh MAIS Construction and Properties Sdn Bhd.





## 27. PINJAMAN MUDAH DARI KERAJAAN NEGERI

Pinjaman mudah dari Kerajaan Negeri merupakan pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM4,000,000 (2009: RM4,000,000), yang mana pinjaman tersebut tidak dikenakan sebarang faedah. Pinjaman tersebut perlu dibayar dalam tempoh 10 tahun bermula pada tahun 2009.

	MAIS	
	2010	2009
	RM	RM
Pinjaman mudah dari Kerajaan Negeri	<b>3166,667</b>	3,566,667

## 28. GERAN BERKAITAN ASET

	KUMPULAN	
	2010	2009
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	<b>112,000</b>	119,000
Pelarasan Tahun Lepas oleh Subsidiari	<b>744,000</b>	-
Pelunasan – dipindah pada penyata pendapatan	<b>(379,000)</b>	(7,000)
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>477,000</b>	<b>112,000</b>

## 29. SEWA BELI JANGKA PANJANG

	KUMPULAN	
	2010	2009
	RM	RM
<b>Jumlah ter hutang :</b>		
Pemutang pajakan	<b>2,876,950</b>	2,882,822
Tolak: Caj Pembiayaan Tertangguh	<b>(761,114)</b>	(149,807)
	<b>2,115,836</b>	2,733,015
<b>Bahagian yang perlu dibayar :</b>		
Pembayaran balik dalam masa 1 tahun (termasuk dalam Pelbagai Pemutang nota 23)	<b>698,662</b>	1,133,924
<b>Pembayaran balik selepas 1 tahun hingga 5 tahun</b>	<b>1,417,174</b>	1,599,091
	<b>2,115,836</b>	2,733,015



### 30. TABUNG BIASISWA REKTOR

Tabung basiswa rektor merupakan tabung yang diwujudkan oleh Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn Bhd (KUIS) sebuah syarikat subsidiari Majlis untuk membaiayai pelajar asasi yang mengekalkan prestasi purata nilai gred (PNG) tidak kurang dari 3.0.

	<b>KUMPULAN</b>	
	<b>2010</b>	<b>2009</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Baki pada 1 Januari	<b>383,109</b>	1,462,973
Tambahan : Peruntukan dan terimaan sumbangan	-	-
Tolak : Pembiayaan semasa	(324,864)	(1,079,864)
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>58,245</b>	383,109

### 31. PELARASAN TAHUN LEPAS

Pelarasan baki wang terkumpul KUMPULAN adalah melibatkan perkara seperti berikut :

	<b>BAKI PADA AWAL TAHUN</b>	<b>PELARASAN TAHUN LEPAS</b>	<b>BAKI SELEPAS PELARASAN</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>Kumpulan Wang</b>			
Kumpulan Wang Zakat	<b>168,090,485</b>	919,737	<b>169,010,222</b>
Kumpulan Wang Baitulmal	<b>80,686,482</b>	4,079	<b>80,690,561</b>
Kumpulan Wang Wakaf	<b>6,308,664</b>	(400)	<b>6,308,264</b>
Syarikat Subsidiari dan Kumpulan	<b>39,109,522</b>	(189,167)	<b>38,920,355</b>
	<b>294,195,153</b>	<b>734,250</b>	<b>294,929,402</b>

### 32. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI BERSIH

	<b>KUMPULAN</b>		<b>MAIS</b>	
	<b>2010</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2009</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pelaburan Mudharabah	<b>148,148,982</b>	149,860,943	<b>133,758,964</b>	134,244,843
Tunai di Bank dan Tunai di Tangan	<b>58,099,695</b>	49,982,548	<b>50,283,489</b>	47,879,422
Wang Deposit dan Jaminan Bank	-	37,500	-	-
Wang Dalam Perjalanan	<b>38,256,208</b>	23,203,289	<b>38,256,208</b>	23,203,289
	<b>244,504,885</b>	223,084,280	<b>222,298,661</b>	205,327,554

### 33. ANGKA PERBANDINGAN

Angka perbandingan bagi Penyata Kewangan yang disatukan antara Majlis dan syarikat subsidiary dalam Kumpulan telah direklasifikasi untuk pengesahan supaya bersesuaian dengan pembentangan penyata pada tahun semasa.





LAPORAN  
**Aktiviti**



## JANUARI

### 5 Januari

Tahun 2009 telah melabuhkan tirainya, kini tahun 2010 muncul dengan semangat dan azam yang baru buat kakitangan MAIS supaya menjadikan tahun baru ini sebagai tahun yang lebih bermakna untuk mencapai kecemerlangan.

Sempena Tahun Baru 2010 dan Hijrah 1431, satu majlis perjumpaan Pengerusi MAIS dengan pegawai dan kakitangan telah diadakan di Dewan Seminar, Masjid Negeri Shah Alam lalu yang dikelolakan oleh Bahagian Perhubungan Awam MAIS.



Majlis disempurnakan dengan Perutusan Tahun Baru oleh Pengerusi MAIS, YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa. Dalam ucapannya, Pengerusi MAIS menegaskan kepada semua warga kerja MAIS agar melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan perlu dibuat mengikut jangka masa yang telah ditetapkan. Disamping itu, beliau menyeru seluruh warga MAIS untuk lebih berdaya saing dalam melakukan tugas harian.

Majlis yang penuh bermakna ini turut dihadiri oleh Rektor KUIS, Pemangku Ketua Eksekutif Kumpulan MAIS Corporation, Ketua Jabatan Kewangan LZS mewakili Pengurus Besar Lembaga Zakat Selangor (LZS), Timbalan Setiausaha MAIS, Pegawai-pegawai dan kakitangan MAIS seramai 200 orang.

Pada majlis yang sama turut diadakan ceramah sempena tahun baru. Ceramah yang bertajuk

"Hijrah" disampaikan oleh Ustaz Nazmi bin Abd Karim, Pendakwah Bebas.

### 27 Januari

MAIS telah menerima kunjungan dari Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang diketuai oleh Hajah Azilah bt Arshad, Pegawai Aset PKNS.

Delegasi seramai 10 orang kakitangan dari Unit Perolehan PKNS disambut mesra oleh Timbalan Setiausaha MAIS dan Pegawai Unit Pentadbiran MAIS.

Kunjungan selama setengah hari ini bertujuan mengeratkan jalinan kerjasama yang sedia terjalin dan bertukar-tukar pandangan berkaitan Pengurusan Aset dan Inventori, dan Perolehan. Pelbagai persoalan dan buah fikiran dilontarkan sepanjang sesi perbincangan diadakan dan diharapkan perjumpaan seumpama ini dapat mengeratkan hubungan dua hala di antara institusi Islam dan badan kerajaan.

### 28 Januari

Bagi memberikan penghargaan kepada pelatih yang telah berjaya dalam bidang akademik dan kemahiran, Pusat Perlindungan Wanita (Baitul Ehsan) MAIS telah menganjurkan Hari Kecemerlangan Pelatih di Dataran Baitul Ehsan yang lalu.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Ustaz Abdul Halem Hapiz Bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS dan turut dihadiri oleh Ustaz Anuar Hamzah Bin Tohar selaku Ketua Bahagian Pemulihan Ar-Riqab MAIS.





Majlis yang diadakan pada setiap tahun ini bertujuan untuk menyuntik semangat kepada pelatih supaya terus berusaha untuk mencapai kejayaan, di samping memberi dorongan dan keyakinan untuk berjaya dengan lebih cemerlang dalam bidang akademik walaupun berada di dalam pusat perlindungan. Selain itu, penghargaan ini memberi peluang kepada mereka untuk membentuk sahsiah diri supaya menjadi insan lebih sempurna dan cemerlang.

Anugerah ini meliputi beberapa kategori iaitu Anugerah Cemerlang Kelas Fardhu Ain, Mata Pelajaran Terbaik Keseluruhan, Kelas Kemahiran Masakan, Kelas Kemahiran Jahitan, Anugerah Khas, Anugerah Asrama Tercantik dan Anugerah Kumpulan Terbaik Riadah Bulanan. Penghargaan ini turut diberikan kepada tenaga pengajar yang menjadi tunjang utama kepada kejayaan pelatih-pelatih di sini.

Di akhir majlis ini, turut diadakan pelancaran pembukaan Smart Agro Baitul Ehsan (Tapak Pertanian). Upacara perasmian disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha MAIS. Smart Agro Baitul Ehsan ini merupakan salah satu tempat untuk pelatih-pelatih mengadakan aktiviti bercucuk tanam selain aktiviti yang lain. Antara sayur-sayuran yang ditanam seperti tomato, lada, cili dan beberapa jenis sayuran yang lain.

Pegawai-pegawai dan kakitangan MAIS dikehendaki mengisi semula borang baru Pengisytiharan Harta Pegawai MAIS yang boleh dimuat turun melalui Intranet MAIS di bawah rujukan Surat Pekeliling Perkhidmatan MAIS Bil. 23, tahun 2009 dan borang yang telah siap diisi perlu diserahkan ke Sekyen Prestasi dan Tatatertib, Bahagian Pengurusan MAIS untuk tindakan lanjut.



## 9 - 11 Februari

### FEBRUARI

#### 5 Februari

MAIS melalui Seksyen Prestasi dan Tatatertib, Bahagian Pengurusan telah menganjurkan satu Taklimat Perisyiharan Harta Pegawai MAIS, Takaful Ikhlas Fleksi & Affin Islamic Bank yang lalu bertempat di Bilik Bahagian Perundangan Keluarga JAIS.

Taklimat yang diadakan selama setengah hari ini bertujuan memberi pendedahan kepada pegawai dan kakitangan MAIS mengenai Perisyiharan Harta yang disampaikan oleh Encik Mohd Zammidi Bin Mohd Asri dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, SUK.

Pada masa yang sama turut diadakan taklimat berkaitan Takaful Ikhlas Fleksi yang disampaikan oleh Puan Murni Bt Mohd Masaruddin. Taklimat yang seterusnya disampaikan oleh Puan Hamidah Bt Abdullah dari Affin Islamic Bank memberi pendedahan tentang skim pinjaman perumahan kepada pegawai MAIS. Taklimat terakhir disampaikan oleh Masduki Bin Hassan yang menerangkan peluang mengerjakan Haji & Umrah melalui program simpanan bersama Etika Takaful Berhad, Kumpulan Maybank.

Seramai 30 peserta yang terdiri daripada kakitangan dan pelatih Baitul Iman telah mengikuti Kursus Teambuilding yang lalu bertempat di Perting Valley Resort anjuran Pusat Pemurnian Akidah (Baitul Iman).

Program selama 3 hari 2 malam ini bertujuan mengeratkan silaturrahim antara kakitangan dan pelatih serta menimba pengalaman baru di mana para peserta diuji ketahanan diri dari segi fizikal dan mental disamping dapat membina komitmen dan sikap bekerjasama, mendorong sikap positif dan menerapkan budaya kerja cemerlang dalam diri individu serta membina komunikasi berkesan dalam melaksanakan tugas seharian.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang kursus tersebut adalah para peserta diuji ketahanan dan ketangkasannya dengan melakukan aktiviti ‘outdoor’ seperti ‘river walking’, ‘night walking’, “burung hantu”, ‘flying fox’, pertandingan memancing dan perlawanan paintball berkumpulan antara pelatih dan kakitangan Baitul Iman.

Kursus Teambuilding ini dikendalikan sepenuhnya oleh Syarikat Bright Future Consultant Sdn Bhd. Semoga dengan adanya kursus seperti ini, diharapkan para peserta terutama kepada pelatih Baitul Iman dapat meningkatkan keyakinan dan jati diri bagi membina sahsiah peribadi untuk menjadi insan yang cemerlang.





### 18 Februari

Bagi memberi pendedahan kepada asnaf Riqab mengenai kepentingan Maal Hijrah dalam mendidik jiwa menjadi insan yang beriman dan bertaqwa, satu Diskusi Kefahaman Islam Sempena Sambutan Maal Hijrah 1431H telah diadakan di Dewan Cempaka Sari, De Palma Hotel yang lalu anjuran Bahagian Pemulihan Ar-Riqab MAIS.

Program ini telah dihadiri seramai 50 peserta yang terdiri daripada pelatih dan pengetua rumah kebajikan di negeri Selangor bertujuan memantapkan diri dalam membentuk sahsiah diri yang utuh di samping meningkatkan kesedaran di kalangan asnaf Ar-Riqab melalui pengalaman konsep wasatiyyah dalam membentuk pembangunan fizikal dan spiritual yang seimbang. Selain itu, para peserta diberi pendedahan mengenai peristiwa penghijrahan Rasullullah S.A.W dari Kota Mekah ke Kota Madinah Al- Munawwarah melalui penyuburan tradisi ilmu dan ketaqwaan kepada Allah S.W.T.



Diskusi ini disampaikan oleh 2 orang panel yang dijemput khas iaitu Al-Fadhil Ustaz Mohd Zamri bin Haji Mohd Shafiq yang membincangkan topik "Hijrah dan Kesannya Terhadap Rohani". Manakala sebelah petang pula disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Mohd Nazmi bin Abdul Karim bertajuk "Rasulullah S.A.W Ikutan Sepanjang Zaman". Di akhir setiap diskusi diadakan sesi soal jawab bagi membincangkan persoalan yang diutarakan oleh peserta berkaitan kefahaman Islam.

Rumah kebajikan yang hadir dalam program ini terdiri daripada rumah yang menempatkan anak yatim, warga emas, bekas penagih dadah, wanita bermasalah, ibu tunggal dan pesakit Aids. Antara rumah kebajikannya iaitu Rumah Pengurusan Anak-

anak Yatim Damai , Yayasan Pembangunan Nur Hikmah , PROKIM Malaysia, Pertubuhan Penawar Warisan Rumah Teduhan Kasih dan PENAMA.

### 26 Februari

Sempena sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor 1431H , setiap tahun MAIS tidak ketinggalan menyertai perarakan dengan mengingati perjuangan junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W yang telah dirasmikan oleh DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj yang lalu. Sambutan Maulidur Rasul yang bermula pada awal pagi , disambut meriah dengan dihadiri seramai 122 kontinjen yang terdiri daripada Jabatan Kerajaan, Badan Berkanun, Swasta, IPTA, IPTS, Sekolah Menengah serta Institusi masjid dan juga Badan Bukan Kerajaan (NGO's). Pada tahun ini, MAIS mengambil bahagian dengan melibatkan kontinjen lelaki seramai 45 orang diketuai oleh Encik Redwan bin Jumary menyertai perarakan yang bermula dari Stadium Mini ke Stadium Melawati. Perarakan tersebut diketuai oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor bersama Dif-Dif Kenamaan. Turut menyertai perarakan tersebut, Dato' Setia Haji Mohamed Adzib bin Mohd Isa, Pengurus MAIS.

Sejurus berakhirnya perarakan, bagi melengkapkan agenda majlis, Ustaz fauzi Bin Mustaffa dijemput khas untuk memberikan tazkirah dan alunan selawat nabi di dalam stadium. Majlis ini turut dimeriahkan lagi dengan persembahan dari kumpulan-kumpulan nasyid yang dijemput khas antaranya Hijaz, Rabbani dan Amy Search.

Anugerah Maulidur Rasul pada tahun ini menyediakan enam anugerah khas iaitu Anugerah Umar bin Abdul Aziz diberikan kepada Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Talha Bin Hj. Abd Rahman, Anugerah Khalid Al-Walid kepada Y. Bhg Dato' Khalid Bin Abu Bakar, Anugerah Imam Al-Ghazali kepada Ustaz Haji Mohd Saleh Bin Hj Ashaari, Anugerah Uthman Ibnu Affan kepada Mohd Ilham Bin Hj Iksan, Anugerah Saidatina Khadijah kepada Prof.Dr. Jawiyah Bte Dakir dan Anugerah Saidina Ali kepada Adik Muhammad Mu'az Bin Mohd Abd Azis. Selain daripada itu, DYMM Sultan Selangor juga telah berkenan untuk menyampaikan hadiah kepada Pemenang Kontinjen Perarakan Terbaik dan Sepanduk Terbaik mengikut kategori.

Majlis ini diakhiri dengan bacaan doa oleh Sahibus Samahah Timbalan Mufti Negeri Selangor dan lagu negeri Selangor oleh KOIR Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) disusuli keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.



## 23 - 25 Februari

MAIS melalui Unit Kaunseling Pusat Pemurniaan Akidah Baitul Iman telah menganjurkan satu lawatan muhibah kepada bekas pelatih di beberapa kawasan sekitar Negeri Kelantan. Antara kawasan yang diziarahi adalah Kampung Cawas Tanah Merah, Kampung Beris Bachok dan Kuarters Peladang Sawit Kuala Krai, Kelantan.

Program seumpama ini bertujuan untuk memastikan bekas pelatih yang telah tamat tempoh pemulihan agar menjalani kehidupan yang lebih sempurna serta memantau keberkesanan pemulihan akidah yang telah mereka jalani di Baitul Iman. Selain bertujuan untuk pemantauan, program ini juga dapat mengeratkan silaturrahim antara pegawai Baitul Iman, MAIS dengan keluarga bekas pelatih. Lawatan selama 3 hari 2 malam yang diketuai oleh Ustaz Yuslan Bin Jamil, Penolong Kaunselor dan 4 orang pegawai Baitul Iman berpuas hati dengan keadaan pelatih dan berharap agar usaha murni ini akan diberkati Allah S.W.T.

## MAC

### 8 Mac

Penduduk Bukit Jelutong di Shah Alam bakal memperoleh sebuah masjid baru yang dikenali sebagai Masjid Tengku Ampuan Jemaah tidak lama lagi yang turut berfungsi sebagai pusat komuniti warga setempatnya dan masjid ini akan menjadi masjid kedua terpenting selepas Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam (Masjid Negeri).

Pembangunan masjid ini adalah hasil daripada wakaf Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sebanyak RM6 juta dan selebihnya sumbangan Sime Darby, Kerajaan Negeri Selangor dan hasil kutipan dana wakaf khas yang dilancarkan oleh Yang Amat Mulia Tengku Panglima Diraja Selangor mewakili Duli Yang Teramat Mulia Sultan Selangor yang lalu bertempat di tapak masjid Tengku Ampuan Jemaah.

Selain pelancaran dana wakaf khas, Yang Amat Mulia Tengku Panglima Diraja Selangor turut berkenan menyampaikan watikah perlantikan ejen wakaf khas serta merasmikan Majlis Pecah Tanah dan Penentuan Arah Kiblat masjid tersebut.

Reka bentuk masjid baru yang bakal memuatkan 4,000 jemaah ini adalah berdasarkan seni bina Islam Timur Tengah Tradisional yang menampilkan gerbang

berbucu yang menjadi rangka laluan ke bahagian dalam masjid. Ciri-ciri utama lain bagi reka bentuk ini termasuk halaman dalam dengan binaan air, dewan serbaguna, bilik pameran, bilik syarahan dan pusat jagaan kanak-kanak. Masjid ini dijadualkan siap dibina pada tahun 2012.

### 12 – 15 Mac

Seramai 15 peserta dikalangan mualaf telah menjalani Kursus Perkaderan Mualaf Siri 1/2010 anjuran Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bertempat di Excel Training Resort.

Kursus yang dijalankan selama tiga hari tersebut memberi peluang kepada mualaf yang mempunyai minat untuk menjalankan kerja dakwah Islamiah serta memberi pendedahan kepada mereka bagaimana mempelajari teknik berdakwah khususnya kepada keluarga mereka sendiri dan seterusnya kepada masyarakat Non-Muslim.



Selain itu, bagi memenuhi tuntutan kursus, para peserta diberi pendedahan dengan menjalani teori praktikal dakwah di Kg. Orang Asli Broga. Antara aspek yang ditekankan dalam kursus ini ialah ilmu dakwah dan peranan mereka sebagai seorang muslim yang mempunyai jiwa dakwah Islamiah.

Kursus ini dikawal selia oleh Ustaz Faidzal Mahfiz bin Mohd Sanusi, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan MAIS dan Ustaz Mohd Yasser bin Abdul Ghani, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Seksyen Perkaderan, Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan MAIS.





### 17 Mac

Satu rombongan Pemimpin Majlis Tertinggi Hal Ehwal Umat Islam Kemboja dengan kerjasama Majlis Muafakat Dakwah Malaysia Kemboja telah mengadakan lawatan ke Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Rombongan seramai 30 orang ahli ini diketuai oleh Sahibus Samahah Kamaruddin Yusof selaku Mufti Kemboja dan Pengarah Highes Council of ISLAMIC Religious of Cambodia (HCIRAC). Turut hadir dalam lawatan ini mewakili kerajaan Kemboja ialah H.E Dr. Sos Mousine, Timbalan Menteri Hal Ehwal Agama Islam Kemboja dan Y.B Othman bin Hassan, Timbalan Menteri Buruh dan Vokasional Kemboja.

Lawatan ini bertujuan mengeratkan kerjasama antara MAIS dan Majlis Tertinggi Hal Ehwal Agama Kemboja berkaitan dakwah, pendidikan, ekonomi dan pembangunan sumber manusia di samping mengeratkan hubungan silaturrahim di antara dua buah negara.

Delegasi ini disambut meriah oleh Pengurus MAIS, YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa dan pegawai-pegawai MAIS, JAIS serta anak syarikat MAIS.

### 23 Mac

Buat julung-julung kalinya, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mengadakan satu mesyuarat khas bersama Y.B Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang lalu bertempat di Hotel Grand Blue Wave, bagi membincangkan Isu-isu Hal Ehwal Islam Majlis Agama Islam Negeri Selangor.

Seramai 50 orang dif-dif terhormat yang terdiri daripada Ketua Pengarah JAKIM, Pengurus Besar Kanan Kewangan Korparat, Lembaga Tabung Haji dan beberapa wakil dari JAWHAR telah dijemput bagi membincangkan berkaitan isu-isu hal ehwal Islam bersama pihak MAIS yang diwakili oleh Pengurus MAIS, Setiausaha MAIS, Ahli-Ahli MAIS, anak-anak syarikat MAIS dan Penolong-Penolong Setiausaha MAIS untuk dibawa ke peringkat yang lebih tinggi bagi menyelesaikan pelbagai perkara berkaitan isu hal ehwal Islam di Negeri Selangor khasnya dan Malaysia amnya. Selain itu, turut hadir Ketua-Ketua Penolong Pengarah Bahagian JAIS.

Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah kedudukan Islam dalam Perlumbagaan Malaysia, isu pelbagai antaranya ialah kekurangan

sumber tenaga kerja di Biro Bantuan Guaman, Perlaksanaan dan Penguatkuasaan Enakmen Ugama Islam (Kawalan Pengembangannya Di Kalangan Orang Islam) 1988, dan pelbagai perkara berkaitan isu-isu Hal Ehwal Islam.

Mesyuarat yang bermula pada pukul 3.00 petang ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Y.A.D. Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa, Pengurus MAIS, disusuli ucapan oleh Y.B.Dato' Seri Jamil Khir Bin Haji Baharom dan seterusnya taklimat isu oleh Dato' Haji Mohamed Khusrin bin Haji Munawi, Setiausaha MAIS. Mesyuarat berakhir sekitar jam 5.30 petang dengan penyampaian cenderahati.

### 25 Mac

Seramai 13 orang wakil MBJ-Pihak Pekerja MAIS bersama Urusetia MBJ-MAIS telah mengadakan lawatan kerja ke MBJ-JPA di Cyberjaya.

Rombongan MAIS diketuai oleh En Hamidon bin Mohamed Yusof selaku Pengurus MBJ-Pihak Pekerja MAIS. Rombongan telah disambut dengan baik oleh JPA. Wakil JPA turut hadir dalam penemuan ialah Puan Siti Khadijah, Bahagian Khidmat Pengurusan JPA, En Khairul Niam, Pengurus- MBJ Pihak Pekerja JPA, En Naeem Azmi, Setiausaha-MBJ Pihak Pekerja JPA, Puan Asnida Asim dan Puan Nurlida, Urusetia MBJ-JPA dan beberapa wakil daripada bahagian khidmat pengurusan dan Wakil MBJ-Pihak Pekerja JPA.

Lawatan kerja ini bertujuan untuk menambah pengetahuan MBJ- Pihak Pekerja MAIS yang baru diwujudkan dalam bulan September 2009. Di antara agenda perbincangan adalah pengurusan, aktiviti, pelaksanaan dan pembangunan MBJ.





## APRIL

### 5 April

Buat pertama kalinya, MAIS telah menjadi hos di Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Selangor bertempat di Auditorium Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah yang lalu.

Majlis bermula seawal jam 7.40 pagi dengan ketibaan dif-dif jemputan disusuli ketibaan Pengerusi MAIS, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Speaker DUN Selangor dan Dato' Menteri Besar Selangor. Majlis perhimpunan pagi diteruskan lagi dengan nyanyian koir MAIS dan bacaan Ikrar Perkhidmatan Awam oleh En. Misbah Bin Salikun. Bacaan ayat suci Al-Quran dan bacaan doa disampaikan oleh Encik Assamarqandi Lee bin Abdullah.

Majlis disempurnakan dengan ucapan alu-aluan daripada Y.A.D. Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS. Dalam ucapannya,

“ Saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana membuka peluang dan ruang untuk MAIS merapatkan hubungan dengan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang mana MAIS yakin sentiasa menyokong usaha MAIS dalam memartabatkan Agama Islam di mata masyarakat Selangor dan Malaysia amnya ”, katanya.

Dalam ucapannya juga, “MAIS berperanan sebagai pihak berkuasa utama hal ehwal islam dalam Negeri Selangor di bawah DYMM Sultan Selangor sebagai badan utama yang menasihati baginda. Di bawah baginda terdapat 3 agensi utama iaitu MAIS mempunyai kuasa membuat dasar dan pentadbiran, Jabatan Mufti Negeri Selangor mempunyai kuasa berhubung hukum syarak dan Jabatan Kehakiman Syariah mempunyai kuasa keadilan, manakala JAIS sebagai agensi pelaksana.

Kalau dilihat dengan peranan dan tanggungjawab sebesar ini, semestinya MAIS begitu memerlukan sokongan Jabatan-Jabatan lain di negeri Selangor terutamanya Kerajaan Negeri untuk memastikan peranan dan tanggungjawab ini dilaksanakan dengan baik ”, katanya lagi.

Dalam majlis ini juga Dato' Menteri Besar Selangor turut menyampaikan amanat kepada semua jemputan yang hadir. Antara jemputan yang menyerikan majlis ini ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Ahli-Ahli MAIS dan Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan bersama kakitangan masing-masing.

Pada majlis yang sama turut diadakan penyampaian bantuan zakat kepada 30 orang asnaf yang memerlukan. Bantuan tersebut merupakan derma siswa pelajar perubatan di Mesir, bantuan perubatan kos bulanan penyakit SLE anak dan bantuan kos pembelian alat perubatan anak. Bantuan disampaikan oleh Dato' Menteri Besar Selangor diiringi Setiausaha Kerajaan Selangor, Speaker DUN Selangor dan Pengerusi MAIS.

### 20 April

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima peruntukan berjumlah RM10.08 juta daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai elauan guru Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA), imam, penyelaras masjid, serta guru takmir yang diadakan di Istana Bukit Kayangan yang lalu.

Bantuan tersebut disampaikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Haji Noh bin Omar, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan Y.B. Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Haji Baharom (B) Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada DYMM Sultan Selangor sambil disaksikan oleh Pengerusi MAIS, Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa.

Dalam pada itu, Setiausaha Sulit kepada DYMM Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir bin Bani berkata oleh kerana wujud perbezaan pentadbiran antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, DYMM Sultan Selangor telah berkenan agar semua peruntukan yang berkaitan dengan agama Islam perlu dipersembahkan kepada baginda.

Ini kerana katanya, baginda merupakan Ketua Agama Islam negeri manakala peruntukan berkenaan akan diserah dan ditadbir urus secara terus kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk tujuan pembayaran elauan-elauan kepada golongan berkenaan,” ujarnya.

Hadir sama pada majlis ini ialah Mufti Selangor, Ahli-ahli MAIS, dan Setiausaha MAIS merangkap Pengarah JAIS.





### 28 April 2010

Lembaga Zakat Selangor (LZS) hari ini mengagihkan pelbagai jenis bantuan zakat berjumlah RM30,970,276.42 juta melalui program Agihan Zakat Perdana. Pelbagai institusi serta individu menerima bantuan yang disalurkan melalui empat program utama agihan zakat iaitu, pendidikan, sosial, ekonomi serta institusi agama.

Melalui Program Pembangunan Pendidikan sebanyak RM22,129,014.00 bantuan diajihkan, Pembangunan Institusi Agama (RM8,500,000.00),

Pembangunan Sosial (RM245,885.25) dan Pembangunan Ekonomi sebanyak RM95,376.80. Di bawah program pendidikan, bantuan yang diajihkan termasuk dermasiswa kepada pelajar-pelajar di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) berjumlah RM1.1 juta serta wang saku berjumlah RM2.6 juta.



LZS juga turut mengajih RM10 juta bagi elauan guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA); penyediaan buku teks sekolah agama negeri Selangor (RM4,056,353.00); bantuan perabot sekolah (RM2,497,635.00) dan elauan bagi guru tafhib sebanyak RM570,507.00. Turut diajihkan bantuan berupa basikal sebanyak 4,022 buah kepada anak fakir miskin berjumlah RM784,290.00 serta 17 komputer riba. Selain itu, LZS turut menyediakan dua buah bas atau coaster bagi kegunaan anak asnaf di Asrama Baitul Hasanah di Kuala Selangor serta Hulu Selangor bernilai RM454,000.00. Bantuan pembinaan tambahan kelas sekolah-sekolah agama di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) berjumlah RM5 juta turut diberikan termasuk bantuan elauan kepada pegawai-pegawai masjid seluruh Selangor berjumlah RM3.5 juta di bawah Program Pembangunan Institusi Agama.

Manakala melalui Program Pembangunan Sosial, lima buah rumah berjumlah RM190,000 telah diajihkan termasuk bantuan perubatan berjumlah RM55,885.25. Sebanyak 11 unit kerusi roda turut diajihkan untuk kegunaan penghuni Desa Kasih dan Desa Ehsan.

Di bawah Program Pembangunan Ekonomi pula, LZS menyerahkan bantuan modal perniagaan berjumlah RM953,768.00 kepada empat orang usahawan asnaf.

Turut hadir, Pengurus Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Dato' Setia Mohamad Adzib Mohd Isa, Rektor KUIS merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah LZS, Profesor Dato' Dr Azizuddin Ahmad dan Pengurus Besar LZS, Ahmad Shahir Makhtar.



### MEI

#### 11 – 13 Mei

Bagi mendapatkan maklumat berkaitan pengurusan wakaf dan pengurusan mualaf, satu siri lawatan kerja Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ke Johor dan Singapura telah diadakan yang lalu.

Rombongan MAIS terdiri daripada 2 kumpulan iaitu kumpulan wakaf seramai 20 orang kakitangan bertujuan mendapatkan maklumat berkaitan pengurusan wakaf dan penubuhan perbadanan wakaf manakala kumpulan mualaf seramai 11 orang kakitangan bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan pengurusan mualaf, penasihatkan akidah dan perjalanan rumah perlindungan mualaf.

Bagi mendapatkan maklumat dan informasi berkaitan, antara yang dilawati adalah Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ), Jabatan Mufti Johor, Johor Corporation Sdn Bhd dan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). Di Singapura, selain MUIS, rombongan ini turut mengambil kesempatan melawat WARESS Investment Private Limited, anak syarikat MUIS yang dipertanggungjawabkan membangunkan tanah wakaf dan juga The Muslim Converts' Association of Singapore yang bertanggungjawab menguruskan mualaf termasuklah pendaftaran, pembelajaran dan bantuan yang diperlukan.



Lawatan kerja bagi kumpulan yang dipertanggungjawabkan menambahbaik pengurusan mualaf diketuai oleh Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Tamuri, Pengerusi Jawatankuasa Mualaf merangkap Ahli MAIS manakala bagi kumpulan wakaf pula diketuai oleh Prof. Madya Syed Mohd Ghazali Wafa bin Syed Adwam Wafa, Ahli Jawatankuasa Wakaf Negeri Selangor dan Ustaz Abdul Halem Hapiz bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS.

### 17 Mei

MAIS telah menerima kunjungan dari Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) yang diketuai oleh Dato' Nadzim bin Johan, Setiausaha Kerja PPIM bersama 3 orang kakitangannya bagi mengadakan perbincangan berkaitan masalah dan cabaran semasa yang dihadapi oleh masyarakat Islam Malaysia masa kini.

Antara skop perbincangan tersebut berkisar kepada gejala ceti haram, gejala makanan haram, peranan masjid, rumah perlindungan, pembinaan hostel bandar, masalah bimbingan mualaf, serangan terhadap agama Islam dan biro penerangan perbezaan agama. Dalam perbincangan tersebut, pihak PPIM bersedia memberi kerjasama kepada pihak MAIS dengan memberi pandangan dan buah fikiran dalam membendung masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam kini.

Perbincangan ini dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha MAIS. Turut hadir, Penasihat Undang-undang MAIS, Ketua Bahagian Pemulihan Ar-Riqab, Pengusa Baitul Iman, Pegawai Hal Ehwal Islam Penasihat Akidah, Jabatan Mufti Selangor dan Pengurus Jabatan Agihan dan Pembangunan Masyarakat, Lembaga Zakat Selangor.

### 20 – 22 Mei

MAIS melalui Unit Dakwah Global, dengan kerjasama Bahagian Pemulihan Ar-Riqab, Bahagian Pembangunan Insan telah membuka kaunter pameran dan penerangan Islam di Pameran Perdagangan dan Budaya Cina Muslim Dunia (WCME) 2010 yang lalu bertempat di Pusat Pameran Antarabangsa Malaysia (MIECC), Mines Resort City.

Pembukaan kaunter pameran ini merupakan hebahan maklumat tentang perkhidmatan yang ditawarkan oleh MAIS kepada orang awam terutama pengunjung non Muslim berkaitan program dakwah penerangan Islam. Selain itu turut diadakan penerangan berkaitan rumah kebajikan dan perlindungan (Ar-Riqab) yang berdaftar di bawah MAIS.

Sementara itu, di Pameran Perdagangan dan Budaya Cina Muslim Dunia (WCME) 2010 merupakan platform untuk memperkenalkan industri Cina Muslim dunia ke Asia dan seluruh dunia dengan Malaysia sebagai hab utama untuk mewujudkan peluang perniagaan.

Pameran selama tiga hari ini dianjurkan oleh MINES Event Management dan Cheng Ho Culture Education

Trust dengan dirasmikan oleh Datuk Mukhriz bin Mahathir, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

### 27 Mei

Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, MAIS telah menerima kunjungan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) bertujuan mendapatkan maklumat mengenai proses penubuhan Baitul Iman dan perjalanan organisasinya di samping perbincangan mengenai pentadbiran dan pelaksanaan Baitul Iman.



Delegasi seramai 7 orang ini diketuai oleh Dato' Amri Aliaman bin Suratman, Pengarah JHEAINS turut diberi taklimat berkaitan Baitul Iman yang disampaikan oleh Ustaz Izhar bin Ismail selaku Pengusa, Baitul Iman. Hadir sama dalam lawatan ini ialah Penolong Setiausaha Bahagian Pemulihan Ar-Riqab dan Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Penasihat Akidah, Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Di akhir lawatan, rombongan ini turut dibawa melawat ke sekitar penempatan baru Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman bagi mendapatkan gambaran lebih jelas tentang suasana pelatih-pelatih yang ditempatkan disana. Diharapkan dengan lawatan yang diadakan seumpama ini dapat mengeratkan hubungan silaturrahim yang terjalin disamping mempertingkatkan mutu kerja dalam organisasi masing-masing.

### 28 – 30 Mei

Sambutan Bulan Kualiti MAIS pada bulan Mei 2010 telah menyajikan pelbagai aktiviti menarik antaranya ialah Program Tautan Ukhwah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang diadakan di Purnama Beach Resort selama 3 hari 2 malam.





Program yang bermula pada 28hb sehingga 30hb Mei ini merupakan salah satu program Bulan Kualiti MAIS pada tahun 2010. Pewujudan Bulan Kualiti ini adalah kesinambungan Program Minggu Kualiti yang bermula pada tahun 2007 hingga kini yang antara lain bertujuan memperkuatkan nilai-nilai budaya kualiti dalam MAIS. Di samping itu juga bertujuan memberi pengiktirafan dan menjana dedikasi pekerja dan pihak pengurusan kepada usaha-usaha yang dijalankan ke arah peningkatan kualiti.

Program Bulan Kualiti merupakan salah satu program sasaran kerja tahunan 2010 MAIS di bawah tanggungjawab Bahagian Pengurusan MAIS yang bertujuan menerapkan budaya kerja cemerlang dan peningkatan kualiti perkhidmatan di kalangan warga kerja MAIS.



Sementara itu, dalam Program Tautan Ukhwah MAIS disempurnakan perasmianya oleh Ustaz Abd Halem Hapiz bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS. Program yang disertai oleh semua pegawai dan kakitangan MAIS seramai 140 orang ini dilibatkan dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya ialah jungle tracking, aktiviti pantai (snorkling), sukaneka, persembahan kumpulan, qiamullail dan sesi ceramah.

Aktiviti sedemikian ini dapat memupuk semangat kerjasama dalam pasukan di samping merapatkan lagi hubungan silaturrahim sesama mereka.

## JUN

### 9 Jun

Selaras dengan Bulan Kualiti MAIS 2010, satu taklimat bertajuk 'Amalan Persekutuan Berkualiti Melalui Pendekatan 5S' telah diadakan, bertujuan untuk memberi pemahaman dan kesedaran kepada semua warga kerja MAIS.

Taklimat telah disampaikan oleh Encik Abdul Malek Bin Mohamad Aripin, Pegawai Perunding dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). 5S dalam istilah Jepun bermaksud, Seiri, Seiton, Seiso, Seiketsu, Shitsuke. Manakala dalam istilah Bahasa Melayu ia bermaksud, Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal.

Walaupun MAIS belum melaksanakan pendekatan 5S dalam persekitaran kerja, namun dengan adanya taklimat ini pegawai diharap dapat memahami konsep tersebut dan diaplikasi dalam kerja sehari-hari.

Semoga program kesedaran seperti ini dapat membangkitkan kualiti kerja pegawai MAIS untuk lebih komited dengan amalan untuk mewujudkan tempat kerja yang lebih produktif, persekitaran yang bersih dan kualiti yang berkekalan.

### 11 Jun

Satu taklimat berkaitan isu penerangan Palestin oleh Aman Palestin Berhad telah diadakan bertempat di Bilik Perundangan Keluarga, Menara Selatan bertujuan memberi pendedahan dan penerangan kepada warga MAIS tentang kekejaman yang dilakukan oleh rejim Israel terhadap negara Palestin.

Program yang diadakan selama setengah hari dihadiri oleh pegawai dan kakitangan MAIS yang antara lain mewujudkan kesedaran dan membentuk pemahaman serta persepsi sebenar mengenai isu Palestin dan menjalankan kerjasama bagi melibatkan pelbagai pihak dalam kerja-kerja kebaikan disamping mengumpulkan dana bagi tabung Palestin. Penerangan isu Palestin telah disampaikan oleh Puan Hjh. Hasimah Binti Salleh selaku perunding dan penceramah dari Aman Palestin Berhad.





## 23 Jun

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan kerjasama Pejabat Agama Islam Daerah Gombak telah mengadakan Seminar MAIS Intellectual Discourse (MID) yang lalu bertempat di K Club Worldwide.

Program seminar ini merupakan salah satu program sempena sambutan Bulan Wakaf Negeri Selangor yang berlangsung sepanjang Bulan Rejab tahun 1431H bermula 14 Jun 2010 sehingga 12 Julai ini. Program setengah hari ini telah dibentangkan oleh Ustaz Nasrun bin Ahmad, Dr. Luqman bin Haji Abdullah dan Prof. Madya Dr. Fauzi bin Deraman. Masing-masing membentangkan kertas kerja antaranya ialah Potensi Saham Wakaf Selangor, Peranan Institusi masjid dalam mentadbir harta wakaf dan kepentingan ibadah wakaf dalam konteks Islam. Perasmian penutupan ini program ini telah disempurnakan oleh Y.A.D Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood bin Pawan the, Orang Besar Daerah Gombak.

## 25 Jun

MAIS melancarkan sistem pembayaran online yang dikenali sebagai eMAIS untuk kemudahan pelanggan membuat bayaran bagi perkhidmatan pelupusan Wang Tidak Patuh Syariah, penebusan harta pusaka, pembayaran sewa bagi premis wakaf dan baitulmal, Saham Wakaf Selangor dan bayaran bil utiliti. Pembayaran online ini boleh dibuat secara terus melalui laman web MAIS di [www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my) dan boleh digunakan bermula 1 Julai 2010.

Pelancaran eMAIS ini telah disempurnakan oleh YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor sempena Malam Amal Wakaf MAIS 2010 yang diadakan di Pusat Konvensyen SACC pada 25 Jun 2010 yang lalu. Malam Amal Wakaf yang diadakan sempena Bulan Wakaf Negeri Selangor berkongsepkan penjualan meja ini bertujuan mengumpul dana wakaf untuk membiayai projek-projek pembangunan harta wakaf yang akan memberikan manfaat kepada masyarakat Islam.

Antara pembangunan yang telah dilaksanakan ialah pembinaan Perpustakaan Wakaf MAIS, pembinaan Masjid Tengku Petra, Kelana Jaya, pembinaan Masjid Kunci Air Buang yang terletak di Tanjung Karang serta pembelian 5 lot kedai di Puchong, di mana lot-lot kedai ini disewakan kepada masyarakat Islam sekitarnya dengan kadar sewa yang berpatutan selaras dengan tanggungjawab sosial MAIS menyumbang ke arah pembangunan ekonomi masyarakat Islam.

Turut hadir dalam program ini ialah Ahli-ahli MAIS, Exco Islam, Ahli-ahli Jawatankuasa Wakaf Negeri Selangor dan Ahli-ahli Jawatankuasa Audit MAIS.

## JULAI

### 8 Julai

Satu perjanjian persefahaman antara Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Kumpulan Perubatan (Johor) Sdn Bhd (KPJSB) untuk mewujudkan Klinik Wakaf An-Nur iaitu klinik yang menawarkan perkhidmatan perubatan dan perundingan kesihatan telah ditandatangani.

Klinik Wakaf An-Nur beroperasi di dalam kawasan masjid yang terpilih dan lokasi ini ditambah dari masa ke semasa. Setakat ini tiga buah klinik telah beroperasi iaitu di Bandar Baru Sungai Buloh, Ijok dan Bukit Indah Ampang. Klinik ini mensasarkan golongan berpendapatan rendah di mana caj sekali rawatan berserta ubat-ubatan hanya dikenakan sebanyak RM5. Klinik ini juga akan turut diperluaskan peranannya di mana perkhidmatan dialisis akan ditawarkan dengan harga yang lebih rendah dari pasaran tempatan.



### 10 – 11 Julai

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mengadakan Hari Mesra Pelanggan dan Anak Syarikat MAIS selama dua hari bermula 10-11hb Julai 2010 di mana orang ramai boleh mendapatkan maklumat tentang perkhidmatan yang ditawarkan oleh MAIS.

Program yang berlangsung dari pukul 10 pagi sehingga 5 petang ini diadakan di Kompleks Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Shah Alam, turut menyediakan kaunter berinformasi MAIS dan Anak Syarikat (LZS, KUIS dan KMC) kepada orang ramai seperti kaunter saham wakaf, wasiat, faraid, pemulihan Ar-Riqab, sejaan bangunan MAIS dan gerai asnaf LZS.





Selain itu, program ini turut memuatkan acara lain seperti kuiz kenali MAIS, persembahan nasyid, Mini Forum, pertandingan mewarna/khat/tulisan jawi, derma darah, slot bersama DJ jemputan dan jualan amal meliputi produk makanan, pakaian, majalah dan sebagainya, di mana hasil jualan ini akan disalurkan kepada Tabung Anak Yatim.



## 26 Julai

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima kunjungan dari Bahagian Pembangunan Dan Pelaburan (BPP), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada 26 Julai yang lalu bertujuan mendapatkan maklumat mengenai strategi perancangan pelaburan serta memberi pendedahan mengenai risiko dan pulangan berteraskan pelaburan jangka panjang disamping kepentingannya dalam perancangan kewangan sesebuah organisasi.

Delegasi seramai 30 orang ini diketuai oleh Tuan Haji Anan bin C. Mohd, Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP turut diberi taklimat berkaitan MAIS yang disampaikan oleh Ustaz Abdul Halim Hapiz bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS.

Selain itu, taklimat berkaitan pelaburan hartaanah MAIS dan MAIS Corporation turut diadakan bagi memberi pendedahan kepada para delegasi mengenai strategi perancangan pelaburan yang dapat menjana ekonomi umat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan.

## 26 – 28 Julai

Bagi memantau keadaan pelatih yang telah tamat tempoh menjalani pemulihan di Pusat Pemurniaan Akidah Baitul Iman, satu lawatan daripada Unit Kaunseling Baitul Iman telah diadakan di rumah bekas pelatih sekitar negeri Terengganu iaitu di Kampung Belukar, Marang dan Kampung Gertak Seratus, Kuala Besut yang lalu.

Rombongan seramai 5 orang pegawai Baitul Iman ini diketuai oleh Ustaz Yuslan bin Jamil, Penolong Pegawai Psikologi, Unit Kaunseling Baitul Iman bertujuan memantau keadaan pelatih serta keluarga setelah tamat tempoh pemulihan dan keberkesanan pemulihan akidah yang dijalankan di Baitul Iman.

Melalui pemantauan yang dijalankan, kedua-dua keluarga pelatih yang dilawat melahirkan rasa berpuashati dengan keadaan pelatih yang telah menjalani pemulihan di Baitul Iman. Tempoh bagi menjalani kaunseling dan pemulihan di Baitul Iman tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 iaitu;

(1) Jika mana-mana Mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atas suatu kesalahan di bawah Bahagian II atau di bawah seksyen 9, 10 atau 11, Mahkamah itu boleh, sebagai ganti hukuman yang dinyatakan bagi kesalahan itu, memerintahkan supaya orang itu menjalani kaunseling atau pemulihan di suatu pusat pemulihan diluluskan selama tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(2) Jika Mana-mana Mahkamah telah mensabitkan mana-mana perempuan atas suatu kesalahan di bawah Bahagian IV, Mahkamah itu boleh, sebagai ganti hukuman yang dinyatakan bagi kesalahan itu, memerintahkan supaya orang perempuan itu dikomitkan ke suatu rumah diluluskan selama tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.





Pusat Pemurniaan Akidah Baitul Iman pada dasarnya berperanan sebagai pusat pemulihan yang memberi bimbingan dan kaunseling kepada individu, kumpulan serta keluarga yang terlibat dalam permasalahan seperti masalah sosial, keruntuhan moral dan akidah di kalangan remaja serta belia Islam.

Seramai 19 orang bakal-bakal haji bersama isteri masing-masing telah menyertai Kursus Haji Bersiri bagi tahun 2010M/1431H yang dianjurkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bertempat di Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS).

Daripada jumlah tersebut, seramai 11 orang bakal-bakal haji yang ditaja oleh MAIS, terdiri daripada dua kategori iaitu kategori masjid dan muallaf. Kursus ini bertujuan memberi penerangan dan panduan yang lebih mendalam kepada bakal-bakal haji sebelum menunaikan haji di samping mengadakan latihan praktikal pada hari terakhir kursus. Lain juga adalah kursus yang menitik beratkan berkaitan dengan latihan amali seperti Tawaf, Saie serta melontar jamrah.

Kursus Haji Bersiri ini dirasmikan oleh Ustaz Zulkifli bin Jamil, Pegawai Tadbir, Bahagian Pentadbiran MAIS. Para peserta kursus telah disajikan dengan tiga penceramah yang dijemput khas dari Tabung Haji Sabak Bernam iaitu Y. Bhg. Tuan. Md. Suhaimi Bin Md. Ali, Y. Bhg. Tuan. Haji Mohd Khusaini Bin haji Sirat dan Y. Bhg. Tn. Haji Aluwi bin Parman.

Menyedari betapa pentingnya perkhidmatan dialisis kepada masyarakat, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Kumpulan MAIS Corporation Sdn Bhd (KMC) iaitu anak syarikat MAIS telah mengambil inisiatif untuk membuka satu lagi cawangan baru Pusat Rawatan Dialisis MAIS yang kelima di daerah Gombak di Majlis Doa Selamat Sempena Pembukaan Pusat Rawatan Dialisis Cawangan Taman Melawati Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pengarah Eksekutif Kumpulan MAIS Corporation, Dato' Ir. Haji Ibrahim bin Yakub berkata, pusat rawatan itu dapat memberi perkhidmatan terutama kepada pesakit buah pinggang di sekitar daerah ini sekaligus menggerakkan ekonomi dan sosial MAIS.

Dalam ucapannya, tujuan utama penubuhan Pusat Rawatan Dialisis MAIS adalah untuk menyediakan perkhidmatan rawatan dialisis yang terbaik di samping memberi pengisian rohani kepada pesakit di bawah bantuan Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan terbuka juga kepada umum.

Menurutnya juga, KMC turut mengundang ustaz atau penceramah agama yang bertauliah untuk menyampaikan kuliah setiap seminggu sekali kepada pesakit-pesakit dan kakitangan di pusat dialisis setiap cawangan.

Dalam majlis yang sama, Kuwait Finance House (M) Berhad turut menyumbangkan dua mesin dialisis untuk pesakit buah pinggang kepada cawangan kelima ini.

Hadir sama, Pengurus Korporat Kumpulan MAIS Corporation, Tuan Haji Abd Azis bin Ab. Llah, Ketua Pegawai Eksekutif Kuwait Finance Berhad, Puan Jamelah Jamaluddin dan Pengerusi Jawatankuasa Dana Kebajikan Kuwait Finance Berhad, Datuk Ahmad Zaki bin Razak.

Antara pusat dialisis MAIS lain yang terdapat di Selangor termasuk di Wisma MAIS Seksyen 3 Shah Alam, Masjid Kiyai Haji Abdullah Jalan Kapar Klang, Taman Perwira Sungai Besar, dan Taman Bendahara Kuala Selangor.





## OGOS

### 6 Ogos

Seperti tahun-tahun sebelum ini, MAIS tidak ketinggalan mengadakan Majlis Perlancaran dan Ceramah Ihya' Ramadhan 1431H/2010M bagi mengimarahkan ketibaan bulan Ramadan yang diadakan di Bilik Perundungan Keluarga, Menara Selatan Bangunan Sultan Idris Shah.

Pelbagai program sepanjang bulan Ramadhan telah dirancang oleh MAIS melalui Biro Kerohanian Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) MAIS antaranya ialah ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah-penceramah yang dijemput khas, Tadarus Al-Quran dan Majlis Khatam Al-Quran.

Ceramah Ihya' Ramadhan akan diadakan pada setiap hari Jumaat sepanjang bulan Ramadhan ini bertempat di Bilik Mesyuarat Mukarramah, Menara Utara, Bangunan SIS bermula pada pukul 8.45 pagi hingga pukul 10.00 pagi. Manakala Tadarus Al-Quran di kalangan kakitangan MAIS dibahagikan kepada beberapa kumpulan dengan dipertanggungjawabkan membaca 3 juzuk setiap kumpulan. Kemuncak program Ihya Ramadhan ialah Majlis Khatam Al-Quran yang dijangka akan diadakan pada penghujung Ramadan ini.

Sementara itu, di Majlis Pelancaran dan Ceramah Ihya' Ramadhan dirasmikan oleh Y. Bhg. Ustaz Abdul Halem Hapiz Bin Salihin, Penasihat Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) MAIS dan turut diadakan penyampaian watikah pelantikan naqib dan naqibah di kalangan pegawai-pegawai MAIS. Di akhir majlis, turut diadakan ceramah agama yang bertajuk "Ramadhan, Kehadiranmu Dinanti" yang disampaikan oleh Ustaz Mohd Fadhil Bin Ismail.

### 9 Ogos

MAIS telah menerima kunjungan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) yang lalu. Kunjungan yang diketuai oleh Tuan Kamal Amran Bin Kamarudin

selaku Pemangku Setiausaha MAINS dan beberapa wakil pegawai -pegawai disambut baik oleh Ustaz Halem Hapiz Bin Salihin, Timbalan Setiausaha, dan Puan Nurlaila Bt. Abd. Rashid, Penolong Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.

Kunjungan selama setengah hari ini bertujuan melihat struktur dan skim perjawatan di MAIS bagi berkongsi pengalaman dalam melaksanakan kerja-kerja pengurusan di samping mengalakkan percambahan idea serta meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan. Kunjungan tersebut juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim di antara agensi-agensi dan negeri-negeri.

### 9 Ogos

Bagi menjalankan tanggungjawab sosial kepada pesakit, Majlis Agama Islam Selangor melalui Unit Dakwah Hospital, Bahagian Pemulihan Ar-Riqab, telah mengadakan program agihan hamper kepada pesakit Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) sempena menyambut kedatangan bulan Ramadhan yang lalu.

Program yang dianjurkan oleh pihak MAIS ini bertujuan meringankan bebanan yang ditanggung oleh pesakit dan merapatkan hubungan silaturrahim serta menyuburkan budaya ziarah yang digalakkan dalam Islam yang kini semakin hari semakin dilupakan.

Hamper disampaikan oleh Penolong Setiausaha, Bahagian Pemulihan Ar-Riqab Ustaz Anuar Hamzah bin Tohar bersama Timbalan Pengarah HTAR, Y.Bhg Encik Zainal bin Yang dengan diiringi oleh sukarelawan daripada Persatuan SAHABAT Hospital.

### 13 Ogos

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima zakat perniagaan berjumlah RM6.7 juta daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Worldwide Holdings Berhad masing-masing berjumlah RM5.563 juta dan





RM1.147 juta bersempena majlis berbuka puasa bersama baginda di Masjid Negeri yang lalu.

Baginda turut berkenan menyerahkan sijil penghargaan pembayaran zakat perniagaan kepada 10 buah syarikat yang membayar zakat pada tahun lepas antaranya Lembaga Tabung Haji, Puncak Niaga (M) Sdn Bhd, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Sdn Bhd, Bank Islam Malaysia Berhad dan Kumpulan Perangsang Negeri Selangor.

Dalam majlis itu, baginda turut menyampaikan sumbangan zakat kepada 200 orang fakir dan miskin, 100 orang anak-anak yatim serta 100 orang saudara baru bagi meringankan beban golongan berkenaan dalam menyambut Ramadhan serta persiapan menyambut hari raya nanti.

Hadir sama dalam majlis itu, Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah, Dato' Menteri Besar Selangor, Pengurus MAIS, Dato' Setia Haji Mohamed Adzib bin Mohd Isa, Pengurus LZS, Tan Sri Syed Anwar Jamalullail serta Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Mohamed Izam bin Mohamed Yusof.

Dalam majlis yang sama, Pengurus MAIS ketika berucap memberitahu bahawa bagi tempoh Januari hingga Julai tahun ini, LZS telah menyalurkan sebanyak RM185.11 juta zakat kepada golongan penerima zakat yang layak di Selangor iaitu berbanding kutipan dalam tempoh yang sama tahun lalu hanya RM120 juta.

"Keadaan ini menunjukkan bahawa kutipan zakat harta yang diterima dan diuruskan oleh LZS telah digunakan sepenuhnya, bukannya disimpan atau tidak dibelanjakan, seperti dianggap oleh beberapa penceramah yang tidak membuat semakan terlebih dahulu," tegasnya.

Beliau turut mengingatkan agar masjid dan surau di negeri ini supaya memastikan individu yang mempunyai tauliah daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), nazir atau imam masjid berkelayakan sahaja diberikan keutamaan untuk menyampaikan tazkirah di tempat ibadah berkenaan, " katanya.

## 16 Ogos

MAIS melalui Bahagian Pemulihan Ar-Riqab telah menganjurkan Program Semarak Ramadhan Bersama Komuniti Yang Disayangi bertempat di Istana Budi, Kuang, Rawang Selangor pada tanggal yang lalu.

Program ziarah yang diketuai oleh Ustaz Anuar Hamzah Bin Tohar, Penolong Setiausaha Bahagian Pemulihan Ar-Riqab dan beberapa pegawai MAIS telah disambut mesra oleh Pengusaha Istana Budi, Tuan Haji Idris Bin Hussin.

Program seumpama ini bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturrahim serta mengurangkan penderitaan yang dihadapi oleh penghuni tersebut.

Seramai 22 orang penghuni telah menerima sumbangan ikhlas berbentuk hamper bagi persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang disampaikan oleh Timbalan Setiausaha MAIS, Ustaz Abdul Halem Hapiz Bin Salihin. Di samping itu, tazkirah Ramadhan juga disampaikan oleh penceramah yang dijemput khas iaitu Ustazah Hayati Binti Mustafa (Guru Takmir).



## SEPTEMBER

### 6 September

Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) MAIS telah berjaya mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena majlis penutup Ihya' Ramadhan dengan meriah sekali walaupun disambut dengan bersederhana bertempat di Bilik Perundangan Keluarga Islam pada 6 September yang lalu.

Majlis yang dihadiri pegawai dan kakitangan MAIS ini dimulakan dengan ceramah khas bertajuk "Ramadhan Pemergianmu Ditangisi" disampaikan oleh Y.Bhg Ustaz Haji Othman bin Hamzah Al-Maqari, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pendidikan JAIS

Program diteruskan dengan Majlis Khatam Al-Quran yang bermula pada jam 11.00 pagi dengan disertai seramai tujuh orang kakitangan MAIS di kalangan naqib kumpulan. Khatam Al-Quran ini dipimpin oleh Ustaz Nasrun bin Ahmad, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian MAL dengan bacaan dari surah Ad-Dhuha sehingga Surah An-Nas diikuti dengan Bacaan Doa' Khatam Al-Quran.

Sementara itu, di majlis penutup Ihya' Ramadhan dirasmikan oleh YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengurus MAIS dan juga turut diadakan penyampaian saguhati kepada pembaca Al-Quran. Turut hadir dalam majlis ini ialah Ustaz Abdul Halem Hapiz bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS dan Ustaz Zulkifli bin Jamil, YDP Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) MAIS.





## 27 September

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) meneruskan tradisi bagi tahun-tahun sebelumnya dengan menaja bakal-bakal haji untuk menunaikan fardhu haji dalam Majlis Mengadap Duli Yang Maha Mulia Tuanku oleh Bakal-Bakal Haji bagi tahun 1431H yang lalu.

Selain MAIS, turut memberi penajaan bagi bakal-bakal haji antaranya ialah DYMM Tuanku, Tabung Dato' Dato' Diraja & Kerabat Diraja Negeri Selangor, Lembaga Zakat Selangor (LZS), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Seramai 10 orang bakal haji tajaan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), seorang tajaan Majlis Perbandaran Ampang Jaya, 6 orang tajaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, 2 orang tajaan Lembaga Zakat Selangor, 3 orang tajaan Tabung Dato'-Dato' Diraja&Kerabat Diraja Negeri Selangor, dan 6 orang tajaan DYMM Tuanku. Jumlah keseluruhan bakal-bakal haji yang ditaja adalah seramai 28 orang.

Bakal-bakal haji yang terpilih ini terdiri daripada mereka yang cemerlang dan banyak menyumbang masa, tenaga dan fikiran kepada masyarakat dan kerajaan Negeri Selangor. Semoga pemilihan ini menjadikan mereka terus bersemangat, cemerlang dan komited dalam usaha memberikan perkhidmatan dan sumbangan kepada agama, bangsa, dan negara.

Turut hadir pada majlis ini ialah, YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Y.B Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Adat-Adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri Selangor dan Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor.

## OKTOBER

### 7 Oktober

Biarpun Syawal sudah menghampiri penghujungnya, namun suasana meriah Aidilfitri masih terasa apabila amalan kunjung mengunjung dan rumah terbuka terus diadakan.

Bagi warga Bangunan Sultan Idris Shah yang terdiri daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) tidak ketinggalan menganjurkan Majlis Sambutan Aidilfitri bagi meraikan kakitangannya yang diadakan di ruang legar Bangunan SIS yang lalu.

Majlis bermula dari pukul 12 tengahari hingga 2 petang . Menu makanan yang pelbagai disediakan oleh setiap gerai agensi menambahkan lagi keceriaan majlis. Antara hidangan yang disediakan ialah satey,

lemang, rendang, nasi tomato, soto, dan nasi ayam golek. Majlis ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran Pengerusi MAIS, dan Timbalan Pengerusi MAIS.

### 12 Oktober

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima kunjungan dari Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang yang lalu bertujuan bertukar-tukar maklumat berkaitan setiap agensi masing-masing disamping menjadi medan bagi menjalinkan dan mengeratkan kerjasama antara agensi Islam.

Delegasi seramai 19 orang ini diketuai oleh Sahibus Samahah Datuk Haji Hassan bin Haji Ahmad, Mufti Negeri Pulau Pinang turut diberi taklimat berkaitan MAIS yang disampaikan oleh Ustaz Anuar Hamzah bin Tohar, Penolong Setiausaha Bahagian Pemulihan Ar-Riqab.

Perbincangan ini dipengerusikan oleh YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS. Turut hadir, Ustaz Abdul Haleem Hapiz bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS dan Ustaz Suhaimi bin Ismail, Penolong Setiausaha Bahagian Pembangunan Insan.

### 16 Oktober

Bahagian Pemulihan Ar-Riqab, dengan kerjasama Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah dijemput hadir untuk sama-sama turut serta mengadakan pameran dan seminar HIV / AIDS serta Forum Perdana Hal Ehwal Islam bertempat di KD Pelanduk, Pengkalan TLDM yang lalu . Program ini dianjurkan oleh Majlis AIDS Malaysia dan Bahagian Kesuma, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang mana turut disertai oleh pelbagai agensi agama dan Jabatan Kerajaan Negeri.





Di harap dengan pameran seperti ini dapat memberikan satu impak yang besar kepada agensi-agensi agama yang lain yang turut serta membantu menangani isu gejala sosial yang melanda masyarakat pada masa ini disamping memberi pengetahuan, manfaat dan faedah yang berguna kepada masyarakat khasnya kepada remaja dan belia dalam menangani isu gejala sosial HIV / AIDS, penagihan dadah, khalwat, pembuangan bayi dan lain-lain.

## NOVEMBER

### 23 November

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Bahagian Pemulihan Ar-Riqab telah menganjurkan satu seminar bersama Asnaf Ar-Riqab. Asnaf Ar-Riqab menurut Fatwa Negeri Selangor Bilangan 1:2010 adalah seseorang yang terbelenggu di bawah satu kuasa yang menghalang kebebasan dirinya.

Seminar sehari ini bertujuan menghimpunkan golongan Ar-Riqab dan membantu mengeratkan hubungan silaturrahim golongan asnaf Ar-Riqab dalam berkongsi cerita, pandangan, pengalaman hidup serta bantuan yang boleh disalurkan. Perjumpaan ini juga diharapkan dapat mengubah persepsi golongan ini terhadap masyarakat dan pihak berkuasa agama dalam membantu golongan ini selaras dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 bagi menjamin kemaslahatan sosial dan ekonomi umat Islam.

Selain mengeratkan hubungan silaturrahim, golongan ini juga turut disajikan dengan motivasi dan wacana minda yang disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Kamil bin Sidek bertajuk "Indahnya Hidup" dan Al-Fadhil Ustaz Najmi bin Abd Karim dengan ceramahnya bertajuk "Kenali Diri – Siapa Aku".

### 25 November

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah diundang untuk sama-sama turut serta membuka kaunter dan pameran oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang mengadakan Program Warga Emas "Jom Sihat, Cergas , Aktif" pada 25 November yang lalu bertempat di Dewan D' Kelana.

Bahagian MAL melalui Seksyen Saham Wakaf dengan kerjasama Unit Wasiat & Amanah serta Unit Perhubungan Awam, MAIS telah turun padang untuk memeriahkan lagi program tersebut yang turut disertai oleh pihak swasta, jabatan kerajaan dan NGO.

Pembukaan kaunter pameran ini merupakan hebatan maklumat tentang perkhidmatan yang ditawarkan oleh MAIS kepada orang awam terutama golongan warga emas. Rata-rata pengunjung yang datang ingin mengetahui dengan lebih lanjut tentang penyertaan Saham Wakaf Selangor, Wasiat dan Wang Tidak Patuh Syariah MAIS.

Dengan adanya undangan untuk program seperti ini dapat mempromosikan perkhidmatan MAIS kepada orang awam dan mempertemukan pegawai-pegawai MAIS dengan semua pelanggan yang hadir dan memberi kemudahan kepada orang awam untuk berurus dan mendapatkan maklumat tentang perkhidmatan yang ditawarkan oleh MAIS.

## DISEMBER

### 6 Disember

Yang Amat Mulia Tengku Panglima Diraja Selangor mewakili Duli Yang Teramat Mulia Sultan Selangor telah sudi mencemar duli melancarkan buku siri panduan ibadah lengkap umat Islam hasil tulisan Ustaz Muhamad bin Abdullah bertajuk Sifat Solat Nabi mengikut Mazhab As-Syafie sempena sambutan tahun baru Maal Hijrah 1432H yang diadakan di Masjid Negeri yang lalu.



Penerbitan buku ini adalah satu wadah daripada MAIS kepada masyarakat Islam khususnya di negeri Selangor bagi menyalurkan panduan yang benar dalam menghalusi panduan ibadat solat seharian.

Buku tersebut dilengkapi dengan teori yang secukupnya berasaskan nas-nas serta dalil mengikut pandangan Mazhab Syafie di samping contoh-contoh gambar yang tepat dan padat. Contoh panduan bergambar ini disertakan dalam contoh-contoh pelaksanaan yang betul, salah dan kurang tepat sebagai panduan masyarakat Islam khasnya.

Diharap juga manfaat dan kebaikan buku ini dapat dikongsi bersama oleh masyarakat Islam sekaligus dijadikan panduan dalam ibadat solat seharian.

Pada majlis yang sama, Tengku Panglima Diraja Selangor turut berkenan menyampaikan anugerah sempena sambutan Maal Hijrah 1432H.





Anugerah tersebut meliputi badan dakwah sukarela, tokoh saudara baru, tokoh keluarga mithali, tokoh aktivis masyarakat dan tokoh Maal Hijrah.

Bagi kategori badan dakwah sukarela diberikan kepada Persekutuan Seruan Islam (Jami'yah) Selangor dan Wilayah Persekutuan, tokoh saudara baru kepada Shah Kirit Kakulal Govindji dan tokoh keluarga mithali dianugerahkan kepada Encik Panut bin Markom. Bagi aktivis masyarakat milik Noorazman bin Mohd Samsudin dan tokoh Maal Hijrah ialah Datuk Dr. Haron Din. Hadir mengiringi Tengku Panglima Diraja ialah YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor dan Pengerusi MAIS.



## 9 Disember

Perpustakaan Wakaf MAIS telah mengadakan lawatan ke Perpustakaan Darul Quran, JAKIM pada 9 Disember yang lalu bagi membincangkan perkara berkaitan perkhidmatan perpustakaan dan bertukar-tukar maklumat dalam memajukan pusat sumber.

Lawatan ini diketuai oleh Encik Mohd Hafiz Bin Abdul Salam, Pustakawan, Perpustakaan Wakaf MAIS serta rombongan yang hadir disambut baik oleh Puan Siti Rafiah Binti Harun selaku Pustakawan Darul Quran. Lawatan kerja ini berlangsung selama 2 jam meliputi lawatan ke seluruh kawasan Perpustakaan Darul Quran serta menimba ilmu berkaitan pembangunan koleksi bacaan buku, kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan.

Semoga lawatan seperti ini dapat mengeratkan lagi silaturrahim di antara Perpustakaan Darul Quran dengan Perpustakaan Wakaf MAIS.

## 15 – 17 Disember

Bagi mendapatkan maklumat berkaitan pengurusan masjid dan pengurusan asnaf Ar-Riqab, satu siri lawatan kerja Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ke Kelantan, Terengganu dan Pahang. Rombongan MAIS terdiri daripada 2 kumpulan iaitu kumpulan pengurusan masjid seramai 12 orang kakitangan bertujuan mendapatkan maklumat berkaitan pentadbiran masjid di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang manakala kumpulan Ar-Riqab seramai 25 orang kakitangan bertujuan menimba pengalaman dan pengetahuan berkaitan pengurusan rumah perlindungan terutama pengendalian asnaf Ar-Riqab.

Bagi mendapatkan maklumat dan informasi berkaitan, antara yang dilawati adalah Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Jabatan Hal Ehwal Islam Terengganu (JHEIT) Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Maahad Tahfiz Al-Quran MAIK, Hospital Raja Perempuan Zainab dan Rumah Prihatin.

Di Kelantan, rombongan MAIS turut mengambil kesempatan melawat dua masjid terpilih untuk diadakan sesi dialog dan antara masjid yang terpilih ialah Masjid Al-Sultan Ismail Petra, Kubang Kerian.

Lawatan kerja bagi kumpulan pengurusan masjid diketuai oleh Ustaz Abdul Halem Hapiz bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS manakala bagi kumpulan Ar-Riqab pula diketuai oleh Encik Awaluddin bin Zakaria, Ketua Penolong Setiausaha Ekonomi. Turut hadir dalam siri lawatan ini ialah pengusaha rumah kebajikan Istana Budi dan Rumah Darul Ukhwah serta Sahabat Hospital Selangor.



KERATAN  
**Akhbar**  
& SENARAI  
**Kaunter**



## Baitul Ehsan tempatkan 600 pelatih

Sinar  
8/2/2010

● ABDUL HALEM

SABAK — Tiga kategori pelatih yang ditempatkan di Pusat Perlindungan Wanita, Baitul Ehsan Majlis Agama Islam Selangor (Mais) terdiri daripada perintah mahkamah, sukarela dan perlindungan.

Bermula sejak sembilan tahun lalu ditubuhkan, Baitul Ehsan menempatkan hampir 600 pelatih pelbagai kategori terutamanya sukarela termasuk 121 pelatih pada 2009 yang ditempatkan di sini dan pada 2009 juga, pusat perlindungan ini menerima pelatih atas perintah mahkamah yang tertinggi iaitu 29 pelatih sejak penubuhannya.

Timbalan Setiausaha Mais, Abdul Halem Haziz Salihin berkata, pelatih yang ditempatkan di sini akan menjalani modul latihan berbentuk kelas fardu ain dan kemahiran.

"Perubahan dari segi modul akan dilakukan lima tahun sekali dan modul yang digunakan sejak 2001 hingga kini yang menekankan fardu ain dan kemahiran juga masih lagi berkesan di mana kita mendapat respons daripada keluarga pelatih apabila keluar dari pusat ini, pelatih berubah kepada yang lebih baik.

"Apabila mereka pulang, kita akan terus memantau dengan pergi ke rumah bekas pelatih, berjumpa ibu bapa dan dari situ kita akan dapat maklum balas mengenai perubahan bekas pelatih daripada ibu bapa

dan keluarganya," katanya.

Difahamkan, pelatih yang keluar daripada Baitul Ehsan akan mengalami perubahan yang positif dengan nisbah 73 di mana untuk mengubah semua sekali adalah sukar manakala bagi pelatih yang akan menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak akan tercicir tetapi juga berpeluang mengambil periksaan tersebut dan menjalani tuisyen untuk menghadapinya.

Mais juga sedang meninggalkan kini peraturan perlindungan wanita yang lebih baik dengan mengambil contoh pusat perlindungan lain dan masih memberikan keutamaan kepada asas al-Qur'an dan fardu ain.

"Sehingga kini, tiada aduan yang diterima daripada keluarga atau pelatih berikutkan tekanan atau sebagainya. Kita mempunyai kemudahan seperti surau dan sesi kaunseling," katanya.

08.02.2010

## Sultan Selangor hulur sumbangan

Sinar  
24/5/

Sultan Sharafuddin bertanya khabar dan memberi sumbangan.

HULU LANGAT - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyatakan bantuan bernilai RM238,000 kepada 53 mangsa tanah runut, semalam.

Sumbangan disampaikan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah kepada mangsa selepas baginda melawat lokasi kejadian.

Rumah kebajikan itu menerima sumbangan RM100,000, manakala waris kepada 16 mangsa menerima RM10,000 termasuk daripada Kerajaan Negeri.

Mereka terselamat menerima RM1,000 setiap

seorang, iaitu seramai 37 orang.

Dalam lawatan berkenaan, Sultan Sharafuddin turut diberi taklimat oleh Pengarah Kanan Kejuruteraan Cerun Jabatan Kerja Raya (JKR), Prof Datuk Dr Ir Ashaari Mohamad mengenai keadaan rumah kebajikan dan struktur tanah di kawasan berhampiran.

Selaras itu, Sultan Sharafuddin turut berangkat ke Hospital Ampang kira-kira jam 11.30 pagi untuk melawat sembilan mangsa lain yang dirawat di situ.

24.05.2010





Oleh Badrul Kamal Zakaria  
btmnews@btmnet.com.my

## Sistem bayaran e-MAIS mulai hari ini

Orang ramai boleh berurusan berkaitan pelupusan wang tak patuh syariah

**S**AH ALAM: Majlis Agama Islam Selangor (Mais) memperkenalkan sistem pembayaran dalam talian iaitu e-MAIS mulai hari ini bagi memudahkan orang ramai membuat bayaran berbagai kegiatan.

Ahli MAIS, Datuk Abdul Halim Abdul Rauf, berkata usah itu secara tidak langsung dapat memutus masyarakat supaya membela jangan harta di jalan Allah.

Katanya, ia kerana melalui sistem itu, orang ramai boleh membuat pembayaran berkaitan perkhidmatan pelupusan wang tidak patuh syariah, penebusan harta pusaka, pembayaran sewa dan saham wakaf, selain bil utiliti.

"Amalan mewakafkan harta benda ditutup agama Islam dan Rasuhullah sendiri mengajak umatnya supaya sentiasa melakukan amal jariah."

"Ini kerana ia dapat membantu pembangunan ekonomi masyarakat Islam di samping mendapat pahala besar di sisi Allah," katanya ketika berucap pada Majlis Malam Amal Mais dan Pelancaran Sistem Pembayaran e-Mais, di sini, yang disempurnakan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohammed



SEBAHAGIAN daripada anak yatim dari beberapa rumah anak yatim seluruh Selangor dijemput sama untuk menghadiri Malam Amal Mais dan Pelancaran e-MAIS.

Khusrin Munawi.

Abdul Halim berkata, amalan wakaf dilaksanakan secara meluas oleh umat Islam sejak zaman dulu sehingga sekarang.

Katanya, amalananya didapati turut berubah kerana orang ramai kini lebih suka mewakafkan harta benda dalam bentuk wang tunai berbanding tanah, kenderaan atau bangunan.

Amalan wakaf berubah seiring peredaran zaman dan sistem ini secara tidak langsung turut memberi peluang kepada masyarakat terutama golongan sederhana untuk bersama melakukan amalan yang sangat ditutup agama ini," katanya.

Antara pembangunan dilakukan MAIS melalui hasil kutipan Sahabat Wakaf Selangor iaitu pembinaan masjid-masjid MAIS, Masjid Tongku Kelana, Kelana Jaya dan Masjid Kundur Air Buang di Tambun.

Orang ramai berpeluang menggunakan perkhidmatan e-MAIS mulai 1 Julai ini menerusi laman web MAIS di alamat www.mais.net.my.

01.07.2010

## SENTRAL

JUMAAT 09 JULAI 2010 • sinarharian

## Mais anjur Hari Mesra Pelanggan

**SHAH ALAM** - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) akan menganjurkan Hari Mesra Pelanggan dan Anak Syarikat Mais pada 10 dan 11hb Julai ini.

Penolong Pegawai Perhubungan Awamnya, Shahru'l Effendy Md Saat berkata, menerusi program itu, orang ramai boleh mendapatkan maklumat tentang perkhidmatan yang ditawarkan oleh Mais.

Menurutnya, program yang akan berlangsung dari pukul 10 pagi sehingga 5 petang itu akan diadakan di Kompleks Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Shah Alam.

"Mais dan Anak Syarikat akan turut menyediakan kaunter berinformasi kepada orang ramai seperti kaunter saham wakaf, wasiat, faraid, pemulihan Ar-Riqab, sewaan bangunan Mais dan gerai asnaf Lembaga Zakat Selangor (LZS)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, terdapat juga acara lain seperti kuiz ke-

nali Mais, persembahan nasyid, Mini Forum, pertandingan mewarna, khat, tulisan jawi, derma darah dan slot bersama DJ jemputan.

"Kita juga mengadakan jualan amal meliputi produk makanan, pakaian, majalah dan sebagainya, di mana hasil jualan akan disalurkan kepada Tabung Anak Yatim," katanya.

Menurut beliau, Program Hari Mesra Pelanggan Mais itu merupakan salah satu daripada program sempena Bulan Kualiti Mais sesi 2010.

Katanya, ia bertujuan untuk mempromosikan perkhidmatan Mais kepada rakyat Selangor dan mempertemukan pegawai-pegawai Mais dengan semua pelanggan yang hadir.

"Disamping itu, Mais juga memberi kemudahan kepada orang awam untuk berurusan dan mendapatkan maklumat tentang perkhidmatan yang ditawarkan oleh Mais, justeru orang ramai dijemput hadir memeriahkan program ini," katanya.

09.07.2010





4 | Isnin 12 Julai 2010

SENTRAL

BH PILIH 4C 12 (emel)

# MAIS, KPJ tawar perubatan kadar rendah

Klinik Wakaf An-Nur membolehkan golongan miskin mendapatkan rawatan

## Korporat & Komuniti

Oleh Badrul Kamal Zakaria  
blnews@bhdonline.com.my

**S**HAH ALAM: Menyedari kepentingan penjagaan kesihatan, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Kumpulan Perubatan Johor (KPJ) Sdn Bhd berusaha mewujudkan lebih banyak Klinik Wakaf An-Nur (KWAN) bagi membolehkan golongan miskin mendapatkan perkhidmatan perubatan pada kadar rendah.

Setiausaha MAIS, Datuk Mohammed Khusrin Munawi, berkata KWAN adalah pusat rawatan dan perubatan yang ditubuhkan melalui usaha sama antara MAIS dan KPJ di Bangunan Sultan Idris Shah di sini, baru-baru ini. Hadir sama, Pengurus Besar KPJ Healthcare Berhad, Aminuddin Dawam.

"Walaupun penubuhan KWAN dibayai melalui kuti-

pan daripada hasil wakaf dan sedekah, ia bukan saja dinikmati masyarakat Islam, malah turut diperluaskan kepada pengikut agama lain untuk bersama mengguna-nakan kemudahan ini."

"Sehingga kini, tiga KWAN dibuka kepada orang ramai iaitu di Masjid Bandar Baru Sungai Buloh; Masjid Nurul Iman, Ijok; dan Masjid Taman Bukit Indah, Ampang. Semua lokasi ini dibina dalam peka-rangan masjid dan tanah yang sudah diwakafkan kepada MAIS," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sebelum majlis memeterai perjanjian usaha sama antara MAIS dan KPJ di Bangunan Sultan Idris Shah di sini, baru-baru ini. Hadir sama, Pengurus Besar KPJ Healthcare Berhad, Aminuddin Dawam.

Mohammed Khusrin berkata, MAIS dan KPJSB akan meneruskan rancangan untuk membina lebih banyak KWAN di beberapa lokasi yang pada-

penduduk bagi membantu golongan miskin mendapatkan rawatan kesihatan.

Catanya, antara lokasi cadangan dipersetuju ber-sama ialah di Masjid Sultan Sulaiman, Klang; Masjid Jamek Pekan Kajang; Masjid Al Aminah, Selayang; dan Masjid As Syakirin, Gombak.

"Cadangan pembukaan KWAN ini dilakukan selepas statistik menunjukkan lebih 50 peratus golongan berpendapatan rendah mengunjungi KWAN bagi mendapatkan rawatan dan seramai 680 orang bukan Islam turut menggunakan kemudahan ini sejak akhir 2005," katanya.

KWAN juga menyediakan perkhidmatan rawatan dialisis di beberapa lokasi terpilih dengan kadar serendah RM90, selain menawarkan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa pada harga perkhidmatan semurah RM5.

12.07.2010

# Mais bantu pesakit buah pinggang

Sinar - 6/8/10

Pusat rawatan dialisis turut anjur kuliah agama setiap minggu

**MELAWATI** — Kewujudan sebuah Pusat Rawatan Dialisis Mais Agama Islam Selangor (Mais) di daerah Gombak membuktikan pusat ini mendapat sokongan ramai sehingga berjaya merubahcukai cawangan kelima di sini.

Pengarah Eksekutif Kumpulan Mais Corporation (KMC), Datuk Ir Ibrahim Yakop berkata, pusat itu dapat memberi perkhidmatan terutama kepada pesakit buah pinggang di sekitar daerah ini sekali gus menggerakkan ekonomi dan sosial Mais.

Menurutnya, pusat itu juga dapat digunakan pesakit di bawah bantuan Lembaga Zakat Selangor (LZS) serta orang awam dalam daerah ini dan pusat ini juga menawarkan kepada pegawai kakitangan dan sokongan dari doktor



■ Ibrahim (dua, kanan) bergambar kenangan bersama dua pesakit yang sedang menerima rawatan dialisis itu.

pakar Nefrologi.

"Penubuhan utamanya adalah untuk menyediakan perkhidmatan rawatan dialisis yang terbaik tanpa mengira usia.

"Dalam masa sama kita juga memberi pengisian rohani kepada pesakit di bawah LZS termasuk menyediakan kemudahan pengangkutan pergi dan balik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika majlis perasmian pusat dialisis, dua selamat dan tahlil di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Kuwait Finan-

ce House (M) Berhad, Jame-lah Jannahuddin, Pengurus Jawatankuasa Dana Kebajikan Kuwait Finance House (M) Berhad, Datuk Ahmad Zaki Razak dan Pemangku Ketua

Pegawai Eksekutif Kumpulan Mais Corporation, Ab Azis Ab Lah.

Ibrahim berkata, kelainan yang terdapat pada pusat dialisis itu adalah dengan mengundang penceramah agama bertauliah untuk menyampaikan kuliah setiap minggu kepada pesakit dan kakitangan pusat dialisis di setiap cawangan.

Dalam majlis itu, Kuwait Finance House (M) Berhad, turut menyumbangkan dua mesin untuk pesakit buah pinggang kepada cawangan kelima itu.

Antara pusat dialisis lain yang terdapat di Selangor termasuk, di Wisma Mais, Shah Alam, Masjid Kiyai Abdullah Umar, Kapar, Klang, Taman Pewira, Sungai Besar, Sabak Bernam dan Taman Benda-hara, Kuala Selangor yang beroperasi sejak 2007 sehingga kini.

06.08.2010





# Mais pupuk budaya wakaf

28/6/2010

Tubuh Perbadanan Wakaf bila-bila masa



■ Abdul Khalid (Tengah) merasmikan program Malam Amal Wakaf 2010 di SACC, malam kelmarin.

**SHAH ALAM** – Majlis Agama Islam Selangor (Mais) akan menubuhkan Perbadanan Wakaf yang sudah dirancang sejak kian lama dan bakal diumumkan pada bila-bila masa saja.

Penubuhan Perbadanan Wakaf itu kelak akan dapat menguruskan harta wakaf dengan lebih baik dan cekap selain memupuk budaya mewakafkan wang tunai di kalangan umat Islam.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, perbadanan Wakaf itu boleh menambah baik sistem, prosedur dan gerak kerja yang sedia ada bagi memastikan amalan berwakaf mem-

beri manfaat kepada masyarakat Islam khasnya dan Kerajaan Selangor amnya.

"Amalan berwakaf bukan sahaja menjamin pahala ber-

terus malah dapat mendidik

wewakaf melakukan pen-

gorbanan dan prihatin serta

mengambil berat terhadap

orang lain yang memerlukan

bantuan," katanya.

Katanya, amalan berwakaf wang tunai memudahkan urusan Mais selaku pemegang amanah tunggal di Selangor dan sekali gus dapat mempelbagaikan pengguna-

nnya dalam ruang lingkup

niat atau tujuan wang diwa-

kafkan.

"Wakaf wang tunai membantu Mais membangunkan aset wakaf sedia ada seperti tanah wakaf dengan melaksanakan projek pembangunan atau prasarana yang lebih produktif," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan program Malam Amal Wakaf 2010 di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), malam kelmarin.

Abdul Khalid berkata, masyarakat dahulu berwakaf dalam bentuk tanah, bangunan, kereta dan barang te-

tapi amalan itu sudah berubah dalam bentuk wang tunai sejajar dengan perubahan se-

masa serta keperluan masya-

rakat Islam ketika ini.

22/10/10

**banyak harta  
lanjut usia  
tidak berkahwin  
ingin beramal jariah  
ada anak angkat  
tiada waris  
berhutang  
mualaf  
ingin bermusafir  
menunaikan fardhu Haji**

## Realisasikan Hasrat Wasiat Anda Bersama MAIS

Seksyen 5 (4). Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003:  
"Majlis hendaklah mempunyai kuasa sebagai *wasi sesuatu wasiat* atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah".

HUBUNGI KAMI:

UNIT WASIAT & AMANAH

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

TINGKAT 10, MENARA UTARA, BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH

40000 SHAH ALAM, SELANGOR

TEL: 03-5514 3773/03-5514 3772 FAKS: 03-5512 4042

[www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my)

22.10.2010





6/11/2010 (Sinar)

*Marilah Beramal dengan Menderma*



*Tabung Amanah Sumbangan Anak Yatim Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)*

Sumbangan ikhlas anda boleh disalurkan ke:

**Kaunter Baitulmal MAIS  
Unit MAL Daerah Pejabat Agama Islam Daerah  
e-mais ([www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my))**

Sumbangan anda juga boleh dibuat dalam bentuk Cek atau Wang Tunai melalui Akaun Tabung Amanah Sumbangan Anak Yatim

**No. Akaun Bank Islam  
12-038-01-001034-3**

Firman Allah S.W.T

"Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu menyekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa, kaum kerabat, **anak-anak yatim**, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat dan orang musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang sombang dan membangga-banggakan diri".

(Surah An-Nisa : Ayat 36)

Hubungi Kami:  
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR  
TINGKAT 10, MENARA UTARA, BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH  
40000 SHAH ALAM, SELANGOR TEL: 03-5514 3570/3771/3773

[www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my)

06.11.2010

6/11/2010 (Sinar)



**Riba**  
**Faedah Simpanan Konvensional**  
**Perjudian**  
**Wang Haram**  
**Wang Rasuah** Insurans Konvensional  
**Pecah Amanah**  
**Pengeluaran dan penjualan barang**  
**Tidak Halal atau barang berkaitan**  
**Aktiviti hiburan yang tidak selaras dengan syariah**  
**Aktiviti lain yang didapati tidak selaras dengan syariah**

**Salurkan Wang Yang Diperoleh Dari Sumber Haram Dan Meragukan (WANG TIDAK PATUH SYARIAH)**

**Kepada MAIS Melalui  
12-038-01-009567-6  
Akaun Bank Islam  
e-mais ([www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my))**

Firman ALLAH S.W.T :

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka di antara kamu."

(Al-Nisa' :29)

UNIT WASIAT & AMANAH  
BAHAGIAN MAL  
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)  
TINGKAT 9 & 10, MENARA UTARA  
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH  
PERSIARAN MASJID  
40000 SHAH ALAM, SELANGOR  
TEL: 03-5514 3570/3771/3772/3773

19.11.2010



  
*Jalinkan  
Ikatan Kasih  
Sayang  
Anda Dengan  
**HIBAH***

**Firman Allah S.W.T**

“...Dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta dan hamba sahaya”.

(Surah An-Nisa' : Ayat 177)

“Hendaklah engkau saling memberi hadiah, nescaya akan timbul perasaan saling cinta mencintai kamu”.

(Hadith Riwayat Al-Bukhari)

**\* DOKUMEN PENGISYIHIRAN HIBAH**

Pemberian atau pindah milik harta oleh seseorang dalam masa hayatnya kepada sesiapa (yang melebihi umur 18 tahun) yang dikehendakinya melalui ijab dan qabul yang dibuat secara sukarela.

**\* DOKUMEN PENGISYIHIRAN PEGANGAN AMANAH HIBAH**

Pemberian atau pindah milik harta oleh seseorang dalam masa hayatnya kepada seseorang yang belum mencapai umur 18 tahun yang dikehendakinya melalui ijab dan qabul yang dibuat secara sukarela.

**UNIT WASIAT & AMANAH**  
**BAHAGIAN MAL, MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)**  
**TINGKAT 9 & 10, MENARA UTARA**  
**BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH**  
**PERSIARAN MASJID, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR**  
**TEL: 03-5514 3773/3772/3570**

[www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my)

   
CERTIFIED TO ISO 9001:2000  
CERT NO.: 16440

31.12.2010





## Senarai **Kaunter-Kaunter**

### **SENARAI KAUNTER-KAUNTER SAHAM WAKAF SELANGOR DAN WASIAT MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)**

#### **Bahagian Baitulmal**

##### **Majlis Agama Islam Selangor**

Tingkat 9, Menara Utara,  
Bangunan Sultan Idris Shah,  
Seksyen 5, 40000 Shah Alam.  
**No. Tel : 03-5514 3570/ 5514 3400 samb. 2190**  
**No. Faks : 03-5512 4042**

#### **Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat**

Jalan Low Tik Kok,  
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.  
**No. Tel : 03-8736 1381 / 8737 7387**  
**No. Faks : 03-8736 3220**

#### **Pejabat Agama Islam Daerah Klang**

Tingkat bawah & 1,  
Bangunan Pejabat-Pejabat Kerajaan,  
Jalan Kota, 41100 Klang.  
**No. Tel : 03-3372 6924 / 2166**  
**No. Faks : 03-3372 6923**

#### **Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Langat**

Sungai Manggis, 42700 Banting,  
Selangor Darul Ehsan.  
**No. Tel : 03-3187 1357 / 5134**  
**No. Faks : 03-3187 6186**

#### **Pejabat Agama Islam Daerah Sepang**

Bandar Baru Salak Tinggi,  
43900 Sepang, Selangor Darul Ehsan.  
**No. Tel : 03-8706 1918 / 2943**  
**No. Faks : 03-8706 2961**

#### **Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Selangor**

Kuala Kubu Bharu, 44000 Hulu Selangor,  
Selangor Darul Ehsan.  
**No. Tel : 03-60643402/1437**  
**No. Faks : 03-60641122**

#### **Pejabat Agama Islam Daerah Petaling**

Tingkat 6, Menara Utara,  
Bangunan Sultan Idris Shah, Seksyen 5,  
40000 Shah Alam.  
**No. Tel : 03-5514 3619 / 3607**  
**No. Faks : 03-5510 6005**

#### **Pejabat Agama Islam Daerah Gombak**

Jalan AU2A/17, Taman Sri Keramat,  
54200 Kuala Lumpur.  
**No. Tel : 03-4252 6080 / 4252 9344**  
**No. Faks : 03-4252 8418**

#### **Pejabat Agama Islam Daerah Sabak Bernam**

Jalan Parit Satu Timur,  
45300 Sungai Besar,  
Selangor Darul Ehsan.  
**No. Tel : 03-3224 1529 / 1260 / 1259**  
**No. Faks : 03-3224 1486**

#### **Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Selangor**

45000 Kuala Selangor,  
Selangor Darul Ehsan.  
**No. Tel : 03-3289 1393**  
**No. Faks : 03-3289 2287**



